

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"MAKA dengan kemauhan beta sendiri, satu undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Uagma Wajib 2012. Undang-Undang ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013".

- Titah Sempena Hari Guru Ke-22 pada 8 Zulkaedah 1433H / 24 September 2012.



مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

HADIS yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Jauhilah oleh kamu prasangka kerana sesungguhnya prasangka itu sedusta-dusta perkataan".

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.06 SUBUH 5.16 SYURUK 6.36 DUHA 7.00 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 16

5 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادى الآخر 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

**f** Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

**o** infodept.bn **s** infodept\_bn

## Berita Utama



TINJAU operasi banteras jenayah merentas sempadan

Muka 4



GALAKKAN belia mengimarahkan masjid

Muka 7



MEMBENTUK keluarga sakinah raih berkat berumah tangga

Muka 9



UNGGAKAN / Indangan masih relevan pada zaman moden

Muka 21

## Berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Dua Hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri, United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, The Right Honourable Boris Johnson, bertempat di No. 10, Downing Street, London. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3).

### Dikehendaki jalani pengasingan diri selama 14 hari!

Siaran Akbar :  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Sebagai sebahagian dari respons kebangsaan terhadap situasi Coronavirus Baharu (2019 n-CoV) yang sedang melanda beberapa kawasan di Republik Rakyat China dan beberapa buah negara lain, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan dasar pengasingan diri (*self-isolation*) bagi individu-individu yang telah kembali atau akan kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari Republik Rakyat China.

Dasar tersebut mengandungi perkara-perkara berikut iaitu bagi sesiapa yang telah berada di Republik Rakyat China dalam masa 14 hari sebelum tiba di NBD dan dibenarkan masuk ke negara ini akan dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari.

Ke muka 6

### Tingkat keberkesanan strategi kawalan kanser

Siaran Akbar :  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Bersempena Hari Kanser Sedunia yang disambut setiap 4 Februari, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkesempatan untuk mengulas lebih lanjut terhadap sambutan berkenaan.

Lazimnya, Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan untuk sama-sama bergiat aktif dalam meningkatkan kesedaran dan mengambil beberapa tindakan serta langkah bagi mencegah dan mengurangkan kesan penyakit kanser.

Tema Hari Kanser Sedunia pada tahun ini hingga tahun 2021 adalah 'Saya Adalah dan Saya Akan' (I Am and I Will).

Kempen selama tiga tahun ini menyeru orang ramai untuk memberikan komitmen untuk bertindak secara positif dalam sama-sama mengurangkan satu pertiga jumlah kematian pramatang yang berpunca daripada penyakit kanser dan penyakit tidak berjangkit menjelang tahun 2030.

Pada tahun 2018, kira-kira 644 orang warga negara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam dikesan menghidap penyakit kanser dan jumlah kematian akibat kanser pada tahun yang sama adalah sebanyak 304 kematian. Dalam erti kata lain, pada tahun 2018, penyakit kanser menyebabkan kira-kira satu dalam empat (sebanyak 28 peratus) kematian dalam kalangan warga negara dan penduduk tetap di negara ini.

Ke muka 5

# Asas bola jaring baik perlu dibangunkan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

DENGAN tulus ikhlas saya mohon maaf kerana tidak dapat hadir pada Mesyuarat Post Mortem Sukan SEA Ke-30 hari ini, tetapi atas tanggungjawab saya sebagai Ketua Pasukan, saya bercakap untuk pasukan saya dan saya percaya hari ini adalah hari yang sangat penting untuk mengiktiraf bola jaring secara keseluruhan pada Sukan SEA dan perjalanan seterusnya pada masa akan datang.

Royal Bees tidak akan dapat memungut tiga pingat gangsa di Sukan SEA, sejak tahun 2015, tanpa kerja keras dan dedikasi pemain, pengurusan menyeluruh BNA yang teliti dan lebih penting bimbingan yang diberikan kepada kami oleh mereka yang mempunyai kepakaran. Mempunyai Jurulatih Jane dengan rejim program latihannya, motivasi positif yang berterusan dan wawasan yang baik dalam persaingan di peringkat tinggi memberi manfaat kepada Royal Bees dan mampu membawa kami ke peringkat lebih tinggi. Untuk ini, saya ingin mengucapkan terima kasih secara peribadi kepada Jurulatih Jane dan sangat gembira untuk bekerjasama lagi dengannya pada masa akan datang pada peringkat yang lebih tinggi.

Perkongsian saya ke arah masa depan Royal Bees dan sukan bola jaring di Negara Brunei Darussalam :

Bola jaring sememangnya merupakan sukan yang semakin mendapat tempat di Negara Brunei Darussalam. 10 tahun yang lalu negara kita tidak mempunyai pasukan untuk bersaing di peringkat serantau atau antarabangsa apatah lagi menjadi kontinen sukan seperti di Sukan SEA. Alhamdulillah, dengan latihan dari jurulatih yang betul dan rejim latihan yang sangat baik, Royal Bees melalui perjalanan hebat bersama Jurulatih Thilaka dan Jurulatih Jane. Usaha ini tidak boleh diabaikan kerana kita perlu terus meningkatkan kualiti permainan bola jaring di negara ini.

Dengan itu, saya benar-benar berharap ini dapat memberi inspirasi kepada pemain-pemain bola jaring peringkat tinggi semakin banyak terlibat dalam prestasi tinggi dengan cara yang bersistematis dan latihan yang tepat.

Pada hari yang penuh bersemangat ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk berkongsi tentang perlunya asas bola jaring yang baik untuk



**SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Ketua Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Royal Bees yang dibacakan oleh Penolong Ketua Pasukan, Dayangku Khalisha binti Pengiran Abdul Rahman pada Mesyuarat Post Mortem Kejohanan Sukan SEA Ke-30, Republik Filipina pada Rabu, 26 Jamadilawal 1441 Hijrah bersamaan 22 Januari 2020 Masihi di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haah Apsah Haji Sahdan

dibangunkan di Negara Brunei Darussalam dengan menghasilkan lebih ramai pemain muda untuk bermain bola jaring secara aktif, dan menghasilkan

jurulatih yang berkelayakan.

Pada masa ini, kita mempunyai Jurulatih Jane sebagai Jurulatih Kebangsaan kita yang memfokuskan tanggungjawabnya untuk pasukan kebangsaan; kini sudah tiba masanya saya menggalakkan jurulatih pelapis membina yang lain diperlukan dan penting untuk memastikan sukan bola jaring kita semakin berkembang kerana suatu hari nanti kita akan mengundur diri dan memberikan peluang kepada generasi baharu mengambil alih dan lebih baik daripada kita.

Dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Persatuan Bola Jaring Brunei adalah penting untuk kita saling bekerjasama.

Sasaran Royal Bees :

Salah satu pertandingan utama menjadi tumpuan tahun ini adalah Kejohanan Bola Jaring ASEAN (ANC) 2020 yang akan berlangsung pada bulan Julai, merupakan perlawangan peringkat tinggi di mana lebih banyak penyertaan dari rantau Asia yang akan bersaing di Sukan SEA. Kemudian, satu lagi cabaran kepada Royal Bees untuk kelayakan SNC 2020 dan World Netball Championship 2023.

Bagi Royal Bees, tidak ada yang mudah tanpa dedikasi, disiplin dan semangat sebenar. Untuk mengekalkan kegemilangan adalah satu cabaran. Tetapi saya percaya, kita boleh kerana kita sentiasa berusaha untuk menyahut cabaran.

Dan tidak mustahil untuk mencapainya seperti mana kita sekarang dan dengan sokongan dari semua; ibu bapa kita; rakan-rakan dan keluarga kita dan bersama-sama dengan Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Persatuan Bola Jaring Brunei dan agensi-agensi berkaitan lain yang meminati sukan bola jaring, ia tidak mustahil.

Terima kasih.

**"BAGI Royal Bees, tidak ada yang mudah tanpa dedikasi, disiplin dan semangat sebenar. Untuk mengekalkan kegemilangan adalah satu cabaran. Tetapi saya percaya, kita boleh kerana kita sentiasa berusaha untuk menyahut cabaran."**

**Dan tidak mustahil untuk mencapainya seperti mana kita sekarang dan dengan sokongan dari semua; ibu bapa kita; rakan-rakan dan keluarga kita dan bersama-sama dengan Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Persatuan Bola Jaring Brunei dan agensi-agensi berkaitan lain yang meminati sukan bola jaring, ia tidak mustahil."**

Dari Sidang Pengarang.

5 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادى الآخر

## CEGAH RISIKO KANSER

KANSER merupakan salah satu penyakit kronik yang kerap berlaku dan boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina atau bangsa. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa pada tahun 2018, kanser merupakan penyebab kematian kedua paling tertinggi di dunia iaitu kira-kira 1 daripada setiap 6 kematian yang berlaku adalah akibat kanser.

Manakala statistik, pada tahun 2018 menunjukkan bahawa kira-kira 644 orang warga negara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam (NBD) dikesan menghidap penyakit kanser dan jumlah kematian akibat kanser pada tahun yang sama sebanyak 304 kematian. Dalam hal ini pada tahun tersebut, penyakit kanser menyebabkan kira-kira satu dalam empat (sebanyak 28 peratus) kematian dalam kalangan warga negara dan penduduk tetap di negara ini.

Di samping itu, jumlah penghidap penyakit kanser juga meningkat sebanyak 17 peratus dalam tempoh lima tahun dari tahun 2009 - 2013.

Menurut statistik dari Daftar Kanser NBD pada tahun sama, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau satu dalam empat, manakala risiko bagi perempuan ialah 29 peratus atau satu dalam tiga.

Hari Kanser Sedunia yang disambut pada tahun ini membawa tema 'Saya Adalah dan Saya Akan' (I Am and I Will) merupakan tema yang digunakan sehingga tahun 2021. Tema tersebut menyeru orang ramai untuk memberikan komitmen untuk bertindak secara positif dalam sama-sama mengurangkan satu per tiga jumlah kematian pramatiang yang berpuncak daripada penyakit kanser dan penyakit tidak berjangkit menjelang tahun 2030.

Oleh itu, NBD tidak ketinggalan untuk sama-sama bergiat aktif dalam meningkatkan kesedaran dan mengambil beberapa tindakan serta langkah bagi mencegah dan mengurangkan kesan penyakit kanser yang disambut di seluruh dunia setiap 4 Februari tersebut.

Antara faktor-faktor risiko utama penyebab kanser ialah perilaku dan pemakanan yang tidak seimbang, indeks jisim badan atau Body Mass Index (BMI) yang tinggi, pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang rendah atau tidak mencukupi, gaya hidup yang tidak aktif, penggunaan tembakau dan pengambilan alkohol.

Oleh yang demikian, kita hendaklah menyahut seruan tema 'Saya Adalah dan Saya Akan' dengan mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan risiko kanser terhadap diri dan masyarakat di samping sentiasa membantu pesakit-pesakit kanser dengan melaksanakan beberapa langkah gaya hidup sihat seperti berhenti merokok dan mengelakkan dari pendedahan pada asap rokok pasif dan mengekalkan berat badan yang sihat dari kanak-kanak dan sepanjang hayat.

Selain itu, memastikan pengambilan 2-3 sajian buah-buahan dan 2-3 sajian sayur-sayuran setiap hari, mengurangkan pengambilan makanan yang mempunyai lemak yang tinggi atau berlebihan dan melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali atau lebih dalam seminggu.

Di samping itu, orang ramai juga disarankan mengambil langkah secara proaktif untuk mencegah kesan penyakit kanser dengan mengesan tanda-tanda awal penyakit tersebut melalui pemeriksaan saringan kanser yang disediakan oleh pihak Kementerian Kesihatan agar ia dapat dirawat di peringkat awal lagi. - Ketua Penyuntingan (Rd)

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
31 °C / 26 °C	31 °C / 27 °C	31 °C / 26 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C / 26 °C	31 °C / 27 °C	32 °C / 27 °C
KUALA BELAIT		
31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."										
Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	RABU	11	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
6	KHAMIS	12	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	JUMAAT	13	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	SABTU	14	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
9	AHAD	15	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	ISNIN	16	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	SELASA	17	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
114	991	993	995	998	123	2380214

# Berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Dua Hala

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Azmah Haji Ahad

**LONDON, UNITED KINGDOM**, Selasa, 4 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri, United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, The Right Honourable Boris Johnson, bertempat di No. 10, Downing Street, London.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan The Right Honourable membincangkan mengenai isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama seperti pertahanan, perdagangan, perubahan iklim, dan hubungan ASEAN-UK serta menyentuh mengenai hal ehwal kerjasama dua hala yang lain antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom.

Kebawah DYMM juga menjemput The Right Honourable Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland untuk mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam. Kedua-dua pemimpin berhasrat untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala dan juga terus komited untuk mengukuhkan kerjasama yang sedia ada dan juga bagi masa hadapan serta membincangkan hal-hal lain

yang memberikan manfaat kepada kedua-dua buah negara.


Juga hadir daripada Kerajaan British ialah Prime Minister's Military Adviser, Royal Navy, Captain Stephen Higham; Prime Minister's International Affairs Adviser and Deputy National Security Adviser, Mr. David Quarrey CMG; Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay; dan Private Secretary (Foreign Affairs) to the Prime Minister, Tara Soomro.

Turut hadir ke Majlis Perjumpaan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Perdana Menteri, United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, The Right Honourable Boris Johnson, bertempat di No. 10, Downing Street, London pada Majlis Perjumpaan Dua Hala.

## Berkenan menandatangi perjanjian 'The Exchange of Letters'



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Penandatanganan 'The Exchange of Letters' dalam bidang Pertahanan dan bertukar dokumen perjanjian tersebut bersama The Right Honourable Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang mewakili Kerajaan British. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**LONDON, UNITED KINGDOM**, Selasa, 4 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani perjanjian 'The Exchange of Letters' dalam bidang pertahanan bersama The Right Honourable Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang mewakili Kerajaan

British. Majlis penandatanganan tersebut telah diadakan di No. 10, Downing Street, London.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kedua-dua buah negara telah sekian lama menjalankan kerjasama dalam bidang pertahanan dan Pertukaran nota tersebut bertujuan memperkuatkan lagi hubungan pertahanan dengan memupuk

kerjasama yang erat antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata British.

Dalam bidang kepentingan bersama seperti latihan, bantuan operasi dan bencana, dan perkongsian kepakaran profesional termasuk isu keselamatan.

# Berangkat tiba di London, United Kingdom



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di London, United Kingdom bagi menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Perdana Menteri, United Kingdom dan Northern Ireland, The Right Honourable Boris Johnson. Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**LONDON**, Isnin, 3 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di London, United Kingdom bagi menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Perdana

Menteri, United Kingdom dan Northern Ireland, The Right Honourable Boris Johnson.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Heathrow, London dijunjung oleh Lord-in-waiting to Her Majesty Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, wakil Her Majesty Queen Elizabeth II, The Right Honourable Lord James Bethell; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Rooslina Wetii binti Pengiran Haji Kamaludin; dan Colonel of the British Army's Brigade of Gurkhas, Kolonel Jody Davies.

# Tinjau operasi banteras jenayah merentas sempadan

**SABAH, MALAYSIA**, Isnin, 3 Februari. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof sedang berada di Sabah, Malaysia mengadakan Lawatan Kerja ke Tawau atas undangan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Haji Mohamad bin Sabu.

Menyertai rombongan dan lawatan tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Lawatan kerja berkenaan dimulai dengan taklimat yang disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Tugas Bersama 2, Brigadier Jeneral Johari bin Mohd. Jaafar di Markas Angkatan Tugas Bersama 2, Kem Kukusan, Tawau.

Delegasi kemudiannya dibawa melawat ke beberapa lokasi ketenteraan dan aset strategik di sekitar Pantai Timur Sabah, termasuk Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah, iaitu bekas sebuah pelantar minyak yang digunakan menjadi aset keselamatan dan berfungsi sebagai pangkalan hadapan bersepadu yang secara strategik diletakkan di bawah Zon Keselamatan Timur



**ROMBONGAN** Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (empat, kiri) ketika mengadakan Lawatan Kerja ke Tawau atas undangan Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Haji Mohamad bin Sabu pada sesi bergambar ramai.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Sabah (ESSZONE), dan berfungsi mendukung operasi membanteras kegiatan jenayah merentas sempadan.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia mengepalai delegasi dari Malaysia.

Turut hadir ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Tan

Sri Dato 'Sri Hj Affendi bin Buang; Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany; Panglima Angkatan Bersama Malaysia, Leftenan Jeneral Dato' Suhaimi bin Haji Mohd Zuki; dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Ahmad Nadzri bin Mohd. Hassan.

Lawatan tersebut memberikan peluang kepada delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk melihat dengan lebih dekat bagaimana Angkatan Tentera Malaysia memantau, melindungi dan memelihara perairan negara daripada cabaran transnasional khusus di kawasan perairan Sabah, Malaysia dan Selatan Filipina.

Lawatan juga pada dasarnya bertujuan untuk mengukuhkan lagi

hubungan pertahanan dua-hala antara NBD dan Malaysia, di mana kedua-dua Menteri juga mengambil peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat mengenai pelbagai isu keselamatan semasa, dan menekankan betapa pentingnya untuk kedua-dua belah pihak bekerjasama rapat dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

# Tingkat keberkesanan strategi kawalan kanser

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**Dari muka 1**

Jumlah penghidap penyakit kanser juga menunjukkan peningkatan sebanyak 17 peratus dalam tempoh lima tahun dari tahun 2014 - 2018 berbanding tahun 2009 - 2013. Menurut statistik yang diperoleh daripada Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam pada tahun yang sama, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser di sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau satu dalam empat, manakala risiko bagi perempuan pula ialah 29 peratus atau satu dalam tiga.

Antara jenis penyakit kanser yang tertinggi dalam kalangan lelaki adalah Kolorektal (53 kes); Paru-paru (25 kes); dan Hati dan Prostat (kedua-duanya 18 kes). Dalam kalangan perempuan pula, Kanser Payudara (100 kes), diikuti oleh Kanser Kolorektal (49 kes) dan Kanser Korpus Uteri atau Rahim (32 kes).

Apa yang perlu kita ketahui ialah sekurang-kurangnya satu pertiga penyakit kanser boleh dicegah dengan mengatasi atau mengawal enam faktor-faktor risiko utama penyebab kanser. Faktor-faktor risiko itu adalah perilaku dan pemakanan yang tidak seimbang, indeks jisim badan atau Body Mass Index (BMI) yang tinggi, pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang rendah atau

tidak mencukupi, gaya hidup yang tidak aktif, penggunaan tembakau dan pengambilan alkohol.

Justeru, memandangkan kesemua faktor risiko kanser tersebut boleh dicegah, adalah perlu bagi kita sama-sama menghindarinya dan mengikut beberapa langkah gaya hidup sihat seperti berhenti merokok dan mengelakkan dari pendedahan pada asap rokok pasif dan mengekalkan berat badan yang sihat daripada kanak-kanak dan sepanjang hayat.

Seterusnya memastikan pengambilan 2 - 3 sajian buah-buahan dan 2 - 3 sajian sayur-sayuran setiap hari, mengurangkan pengambilan makanan yang mempunyai lemak yang tinggi atau berlebihan dan melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali atau lebih dalam seminggu.

Selain dari penjagaan kesihatan diri, Yang Berhormat Menteri turut menyarankan agar kita semua mengambil langkah-langkah secara proaktif untuk mencegah kesan penyakit kanser dengan mengesan tanda-tanda awal penyakit tersebut melalui pemeriksaan saringan kanser agar ia dapat dirawat di peringkat awal lagi.

Pada awal tahun 2019, Kementerian Kesihatan

memperkenalkan dan melancarkan Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme) sebagai usaha untuk meningkatkan keberkesanan strategi pengawalan penyakit - penyakit tidak berjangkit, khususnya bagi faktor risiko Kardiovaskular seperti penyakit tekanan darah tinggi, diabetes dan kolesterol tinggi.

Tujuan program tersebut adalah untuk mengesan awal dan mengawal faktor-faktor risiko penyakit Kardiovaskular serta mencegah dari terjadinya komplikasi penyakit-penyakit berkenaan melalui rawatan awal.

Selain daripada itu, dalam meningkatkan lagi usaha pihak Kementerian Kesihatan untuk menangani masalah penyakit kronik seperti kanser, Kementerian Kesihatan juga memperkenalkan Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal dan Program Pemeriksaan Kanser Payudara, di samping Pemeriksaan Kanser Serviks yang sedia ada, sebagai program susulan di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan pada November 2019.

Antara tujuan utama Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal dan Program Pemeriksaan Kanser Payudara ini adalah untuk pengesan awal Kanser Kolorektal dan Kanser Payudara, pencegahan atau pengesan awal komplikasi Kanser Kolorektal dan Kanser Payudara dan pengurangan

kadar kematian pra-matang iaitu kematian di antara umur 30 hingga 70 tahun yang disebabkan oleh Kanser Kolorektal dan Kanser Payudara.

Baru-baru ini juga, Kementerian Kesihatan bekerjasama bersama pihak Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), khususnya Early Detection & Cancer Prevention Services (EDCP) dalam pencegahan penyakit kanser bagi mendukung matlamat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan meningkatkan kualiti kehidupan termasuk status kesihatan masyarakat.

Pada tahun ini, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan sekali lagi akan bekerjasama dengan Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC); Persatuan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM); Brunei Breast Cancer Support Group (BCSG); Yayasan Kanser Kanak-Kanak (Yaska) Negara Brunei Darussalam serta pihak badan bukan kerajaan (NGOs) lain untuk mengadakan sambutan Hari Kanser Sedunia 2020 di peringkat negara dengan mengadakan Aktiviti Riadah Berjalan, Berlari dan Berbasikal



**PERUTUSAN** Yang Berhormat Menteri Kesihatan sempena Hari Kanser Sedunia.

pada Ahad, 9 Februari 2020 di Program Bandarku Ceria di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama menyertai aktiviti ini dan marilah kita sama-sama bertekad untuk memberi komitmen yang tinggi dalam sama-sama bertindak bagi meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser juga langkah-langkah pencegahan dalam mengurangkan kesan dan risiko menghidap penyakit kanser di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan, orang ramai boleh melayari laman sesawang [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn) atau pun laman sesawang Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn), atau menghubungi Talian Darussalam 123.

## Hari Kanser Sedunia diraikan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**JERUDONG**, Isnin, 3 Februari. - Shine a Light memberikan penekanan secara amnya mengenai Hari Kanser Sedunia yang disambut setiap 4 Februari di seluruh dunia.

Di negara ini, penyalaman mercu tanda tersebut yang dinyalakan dengan lampu berwarna jingga dan biru sesuai dengan tema Hari Kanser Sedunia 2020 diadakan di Crystal Arch Jerudong Park.

Ia disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

PJSC dengan kerjasama Jerudong Park Country Club (JPCC) menyalakan lampu tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kanser juga untuk mengurangkan kadar kematian yang disebabkan oleh

kanser.

Selain itu, ia juga untuk memberikan pengajaran serta menggalakkan semua pihak untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu ke arah mencegah kanser.

Penyalan Crystal Arch di Jerudong Park itu akan terus diadakan hingga 9 Februari 2020 sempena sambutan berkenaan.

Selain meraikan bersama pesakit-pesakit kanser di PJSC, aktiviti-aktiviti lain termasuklah acara berjalan kaki, berlari dan berbasikal pada 9 Februari nanti yang akan diadakan dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Pengurus Lembaga Pengarah JPCC.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) menyempurnakan penyalaman mercu tanda tersebut yang dinyalakan dengan lampu berwarna jingga dan biru sesuai dengan tema Hari Kanser Sedunia 2020, di Crystal Arch Jerudong Park (atas dan bawah kiri).



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada acara penyalaman mercu berkenna.

# Nikmati keunikan masakan Iran di Anjung Saujana

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BERAKAS**, Selasa, 4 Februari. - Orang ramai kini berpeluang merasakan keenakan serta keunikan masakan Iran semasa berlangsungnya promosi 'Taste of Iran' yang dianjurkan oleh Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, bermula 4 hingga 9 Februari 2020 ini.

Promosi anjuran Restoran Anjung Saujana dengan kerjasama Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam menawarkan beberapa kulinari persia antaranya Zeresh Polo (Nasi Barberry Saffron), Joojeh Kebab (Kebab Ayam Saffron Persia), Khoresh Ghormeh Sabzi (Kacang dan Kambing Rebus berempah), Rigi.



Tah Chin Morgh (Nasi Bakar Saffron dengan ayam dan yogurt), Za'atar Man'ouche, Persian Halwa, Shole Zard dan banyak lagi.

Promosi berkenaan dilancarkan malam tadi oleh Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin yang juga selaku Pengurusi Ahli Lembaga Pengarah Royal Brunei Catering bersama dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran Ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira

Danial dalam ucapannya antara lain menyatakan Kedutaan Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam membawa seorang Cef dari Iran iaitu Cef Ahmad Karbalae, yang merupakan kulinari cef dari Kementerian Hal Ehwal Luar Iran dan mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam kulinari Persia.

Menurutnya lagi, promosi ini merupakan pertama kali diadakan pada skala besar di negara ini dan ianya adalah satu penghargaan bagi pihak RBC dan Anjung Saujana kerana dipilih oleh Kedutaan Islam Iran selaku venue pilihan bagi pengajuran promosi berkenaan.

Promosi makan malam buffet tersebut akan bermula pukul 6.30 petang hingga 10 malam setiap hari dengan harga BND26.90 bagi dewasa dan BND12 bagi setiap kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun.

Sepanjang promosi berkenaan, pemegang kad RBC Dining Privilege juga berpeluang



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran Ke Negara Brunei Darussalam (NBD) memperkenalkan salah satu kulinari persia kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri) selaku Pengurusi Ahli Lembaga Pengarah Royal Brunei Catering.

menikmati diskon sebanyak 10 peratus.

Bagi sebarang tempahan bolehlah menghubungi Restoran Anjung Saujana di

talian +673 2331853 atau mengikuti laman Instagram @anjungsaujanarestaurant dan Facebook bagi mengetahui sebarang promosi terkini.



PROMOSI 'Taste of Iran' yang dianjurkan oleh Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan berlangsung bermula 4 hingga 9 Februari 2020.

## Dikehendaki jalani pengasingan diri selama 14 hari!

Siaran Akbar :  
Kementerian Kesihatan

### Dari muka 1

Manakala, rakyat atau penduduk tetap NBD yang sedang berada di Republik Rakyat China (tanpa mengira wilayah) boleh dibenarkan untuk masuk kembali ke NBD.

Mereka akan dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari. Dalam pada itu, mana-mana rakyat atau penduduk tetap NBD yang sakit dan sedang berada di Republik Rakyat China adalah dinasihatkan untuk menangguhkan kepulangan mereka ke negara ini dan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan NBD di Republik Rakyat China untuk nasihat selanjutnya.

Dan perkara ketiga, apabila tiba di NBD, mereka hendaklah pergi ke kaunter Kesihatan Pelabuhan dan maklumkan kepada

kakitangan yang bertugas yang mereka baru tiba dari Republik Rakyat China.

Borang akan diberikan untuk diisikan dan maklumat pengasingan diri untuk membantu orang tersebut semasa tempoh pengasingan akan diberikan.

Dalam masa yang sama, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berkunjung ke Republik Rakyat China dan menangguhkan perjalanan yang tidak penting ke Republik Rakyat China.

Ini adalah bagi mengawal kemasukan penyakit berkenaan ke negara ini yang mana telah diketahui dapat menjangkiti dari manusia ke manusia.

Individu-individu yang memenuhi kriteria pengasingan diri adalah diwajibkan, di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204, untuk menahan diri dari sebarang kegiatan-kegiatan awam, dan memantau kesihatan mereka

selama 14 hari dari tarikh kedatangan kembali ke Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk tidak merasa cemas atau panik mengenai situasi ini.

Dasar pengasingan diri ini telah diperkenalkan untuk memastikan kesihatan serta kesejahteraan individu-individu terjejas dan masyarakat umum juga akan dilindungi.

Kementerian Kesihatan juga menggesa bagi mendapatkan kerjasama orang awam, para majikan, dan pihak-pihak berkepentingan lain dalam perlaksanaan dasar ini.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai dasar pengasingan diri (*self-isolation*) tersebut di laman sesawang Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Bahagian Kawalan Penyakit melalui e-mel di [dcd.bruhims@moh.gov.bn](mailto:dcd.bruhims@moh.gov.bn) atau melalui telefon di talian +673 2380316 / +673 2380318.

## Sesi Dialog Belia bersama Ahli-ahli MMN, 8 Februari

Siaran Akbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Satu sesi dialog belia bersama dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi dari dalam dan luar negara bagi menyuarakan pendapat dan idea-idea mereka untuk kemajuan dan pembangunan negara.

Dialog belia ini akan diadakan pada Sabtu, 8 Februari dari jam 9.00 hingga 11.00 pagi di Auditorium, Bangunan MMN.

Dialog ini akan dihadiri oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari dan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Para pelajar yang berminat untuk menyertai bolehlah mendaftar melalui <http://bit.ly/legcohei2020>. Tempat duduk adalah terhad.

Bagi sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +673 811 4194 (Adibah).

# Majlis Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Thai



HADIR selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thai, Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan isteri (kiri), sementara gambar kanan, antara jemputan yang hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Februari. - Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand sentiasa memperkuatkan lagi hubungan yang rapat khususnya dalam bidang ketenteraan dan pertahanan dengan pelbagai medium interaksi seperti pertukaran lawatan, latihan dan kursus di kesemua peringkat.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama

Wanthanee Viputwongsakul pada Majlis Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thai. Majlis tersebut berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Puan Yang Terutama seterusnya mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Thailand sentiasa bekerjasama rapat dan memperluaskan lagi platform pelbagai hala seperti Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN atau ADMM dan ADMM-Plus, di mana

menurutnya Mesyuarat ADMM Ke-13 yang dipengerusikan oleh Kerajaan Thailand tahun lalu membawakan hasil, terutamanya dengan penggunaan Kertas Konsep Mengenai Pengembangan Infrastruktur Komunikasi Langsung ASEAN (Concept Paper on the Expansion of ASEAN Direct Communications Infrastructure - ADI) kepada negara-negara Plus.

"ADI merupakan salah satu inisiatif yang diterajui oleh Negara Brunei Darussalam semasa menjadi pengerusi pada tahun 2013 dan ia merupakan sumbangan penting kepada langkah membangun keyakinan

dalam proses ADMM. Thailand akan terus menyokong inisiatif Brunei dan mengalau-alukan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ADMM pada tahun hadapan," tambah PYT.

Seterusnya, PYT mengulangi komitmen Thailand dalam meningkatkan hubungan dua hala dengan Brunei Darussalam dalam setiap aspek termasuk ikatan pertahanan, yang akan menyumbang untuk mengekalkan persekitaran yang damai di rantau ASEAN dan seluruh dunia di masa yang akan datang.

Hadir mewakili kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan isteri.

Sambutan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand diraikan setiap 18 Januari untuk memperingati keberanian dan kepimpinan Raja Naresuan (King Naresuan The Great) yang berjuang untuk kebebasan dan perdamaian kerajaan Thailand.

## Galakkan belia mengimarahkan masjid



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika memberikan ucapan.**

penduduk sekitar Bandar Seri Begawan umumnya.

Kumpulan Belia Masjid ini diharap akan dapat memberi peluang kepada para peserta untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang dikendalikan, khususnya di bawah Takmir Belia dan Beliawanis Masjid Omar 'Ali Saifuddien.


Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan sijil penyertaan kepada kumpulan belia berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Dengan pelancaran Kumpulan Belia Masjid, MOAS, kumpulan tersebut kini dikenali dengan Kumpulan Syababus Salam Masjid Omar 'Ali Saifuddien.



KUMPULAN Belia Masjid, MOAS, yang juga dikenali dengan Kumpulan Syababus Salam Masjid Omar 'Ali Saifuddien merupakan harapan dan aset negara (kiri dan kanan).

# Eksport Industri Perikanan negara bernilai BND40.71 juta



PARA peserta Kursus Keperluan Eksport dan Pelaksanaan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) bagi Komoditi Ikan, yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Bahagian Keselamatan Makanan dan Kawalan Kualiti, Kementerian Kesihatan juga pengusaha-pengusaha industri pemprosesan produk makanan laut pada sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perikanan

**MUARA**, Isnin, 3 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perikanan mengadakan Kursus Keperluan Eksport dan Pelaksanaan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) bagi Komoditi Ikan selama lima hari bermula 27 Januari hingga 1 Februari 2020.

Majlis yang berlangsung di Dewan Nur Huda, Kompleks Perikanan Muara itu dihadiri oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Noraini binti Haji Anggas, sekali gus menyempurnakan

Penyampaian Sijil-sijil Kursus berkenaan.

Kursus ini dihadiri oleh seramai 35 orang peserta dari Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Bahagian Keselamatan Makanan dan Kawalan Kualiti, Kementerian Kesihatan juga pengusaha-pengusaha industri pemprosesan produk makanan laut dan lain-lain pengusaha tempatan dalam sektor perikanan.

Kursus yang diadakan ini merupakan salah satu usaha dan langkah-langkah Jabatan Perikanan sebagai Pihak Berkuaasa Kompeten (*competent authority*)

bagi komoditi ikan dan yang bertanggungjawab untuk memastikan syarikat-syarikat dan pengusaha industri pemprosesan makanan laut di negara ini mengamalkan dan mematuhi garis pandu amalan kebersihan di dalam setiap peringkat pemprosesan di kilang bagi mematuhi garis pandu keselamatan makanan laut.

Untuk itu, dua orang pakar dari Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun dijemput untuk menjalankan kursus tersebut.

Di antara objektif utama kursus ini adalah untuk memberikan pengetahuan terperinci dan membimbing syarikat-syarikat industri pemprosesan ikan untuk memenuhi dan mematuhi garis pandu yang terdapat dalam Manual

Keperluan Kebersihan bagi Kilang Pemprosesan Ikan Negara Brunei Darussalam.

Pengiktirafan Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang mencapai dan mengamalkan elemen-elemen HACCP, sekali gus memenuhi kehendak-kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna.

Di samping itu sebagai langkah pengesahan amalan kebersihan ialah dengan perlaksanaan sistem Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) yang mana merupakan salah satu keperluan sanitari oleh kebanyakan negara pengimport ke atas komoditi makanan laut dan seterusnya menembusi pasaran

eksport.

Dengan adanya kursus ini, ia akan dapat meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai yang melaksanakan pemeriksaan audit ke atas keselamatan makanan di premis kilang pemprosesan makanan sama ada kilang pemprosesan makanan dari sumber pertanian atau makanan laut.

Industri Perikanan di Negara Brunei Darussalam berpotensi bagi pasaran eksport bernilai BND40.71 juta bagi tahun 2020 dan Negara Brunei Darussalam mendapat akses pasaran antarabangsa bagi produk perikanan iaitu negara ASEAN, Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Taiwan, Republik Rakyat China, Kanada dan Korea.

## Bina kepimpinan pelajar tangani masalah



ANTARA Ahli Jawatankuasa Penuntut dan Prefek yang menyertai aktiviti-aktiviti yang bukan sahaja menguji kemampuan berfikir pelajar dalam bertindak secara berpasukan, malahan juga menyepadukan nilai-nilai keagamaan (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Sekolah Ugama (SUAMPRIPAH) baru-baru ini menjemput kumpulan Syababul

Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH) baru-baru ini menjemput kumpulan Syababul



Iman dari Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong dan Belia Masjid Ash-Shaliheen bagi mengendalikan program kepimpinan untuk para Ahli Jawatankuasa Penuntut dan Prefek di sekolah tersebut.

Program ini diadakan bagi membina potensi dan meningkatkan kemahiran mengurus dan memimpin agar para penuntut dapat mengendalikan atau melaksanakan sesuatu aktiviti ataupun majlis

dengan berkualiti dan berkesan.

Di samping itu, ia juga diharapkan akan mampu membantu para penuntut yang terlibat untuk mengetahui cara-cara mengurus ahli, membina pasukan, bertindak secara berpasukan dan mengetahui cara-cara menangani masalah.

Program yang disertai seramai 23 Ahli Jawatankuasa Penuntut dan 68 Prefek yang terdiri dari Tahun 7 hingga Tahun 11 ini mengetengahkan aktiviti-aktiviti, yang bukan sahaja menguji kemampuan berfikir pelajar dalam bertindak secara berpasukan, malahan juga menyepadukan nilai-nilai keagamaan bagi mempersiapkan mereka dalam menghadapi cabaran dunia nyata dan masa depan.

Fasilitator program terdiri daripada beliawanis Kumpulan Syababul Iman dan Masjid Ash-Shaliheen. Kedua-dua kumpulan belia masjid tersebut memang dikenali aktif mengendalikan program-program atau aktiviti-aktiviti motivasi dan kepimpinan di sekolah-sekolah.

# Membentuk keluarga sakinah raih berkat berumah tangga



AHLI-ahli panel Hiwar Fiqh al-Usrah terdiri daripada Awang Hanif bin Haji Sha'ari (kanan); Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman (tiga, kanan); dan Dayang Nurul Nazurah binti Jaya (dua, kanan) bersama moderator majlis, Pengiran Haji Muhammad Firdaus bin Pengiran Haji Rusman (kiri).



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat. Juga hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (dua, kanan).

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Februari. - Salah satu asas pembentukan keluarga bahagia dalam Islam adalah suami isteri menjaga hak dan tanggungjawab masing-masing.

Setiap individu mempunyai peranan penting dalam membentuk keluarga yang sakinah (harmoni). Kalau hak dan tanggungjawab ini tidak diabaikan maka pembentukan keluarga yang ideal boleh dicapai.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pegawai Ugama di Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Awang Hanif bin Haji Sha'ari pada Majlis Hiwar Fiqh al-Usrah, iaitu perbincangan mengenai 'Nafkah dan tanggungjawab suami isteri dalam konteks dunia moden : Isu, cabaran dan solusi', bertempat di



ANTARA yang hadir pada Majlis Hiwar Fiqh al-Usrah.

al-Usrah terdiri daripada Pegawai Ugama di Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Hanif bin Haji Sha'ari; Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman; Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya dan mahasiswa Program Doktor Falsafah, KUPU SB selaku moderator Majlis, Pengiran Haji Muhammad Firdaus bin Pengiran Haji Rusman.

Dayang Nurul Nazurah pula menerangkan bahawa Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ada menerima kes-kes keluarga yang berkaitan dengan nafkah dan tanggungjawab. Antara sebab nafkah terabai yang diterima di JAPEM adalah apabila terdapatnya kekurangan dalam kefahaman mengenai kewajipan menunaikan nafkah dan tanggungjawab suami isteri, beberapa contoh, termasuk terjadinya cemburu buta, sikap malas, kurang komunikasi khususnya dalam pembahagian tanggungjawab, terlalu bergantung kepada isteri yang mempunyai kerjaya, kehadiran orang ketiga (curang) dan apabila suami atau isteri menyalahgunakan dadah, di mana antara kesan dari permasalahan berkenaan adalah isteri terpaksa memainkan dua peranan, anak-anak yang menjadi terabai, menjadi mangsa dan ahli keluarga yang lain.

Sementara itu, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah turut menjelaskan bahawa tujuan perkahwinan dalam Islam perlu difahami, khususnya oleh belia-belia, bukan semata-mata untuk menghalalkan perhubungan tetapi ia perlu juga bertujuan ke arah yang lebih jauh termasuk melahirkan masyarakat yang baik, qudwah hasanah juga mampu untuk membantu dalam merealisasikan negara zikir.

Justeru itu, belia perlu mempunyai *mindset* yang kuat mengenai tujuan utama menuju perkahwinan dan memastikan bahawa mereka boleh memenuhi tuntutan dan tanggungjawab dalam perkahwinan. Kepentingan untuk memahami tujuan perkahwinan merupakan asas kefahaman antara suami dan isteri.

"Perlu ada sikap muhasabah dalam diri suami dan isteri mengenai tujuan perkahwinan sebenar dan perlu ada komunikasi

## Talian Nasihat Kesihatan 2019-nCoV diaktifkan

Siaran Akhbar dan Poster : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kementerian ini akan mengaktifkan Talian Nasihat Kesihatan (Health Advice Line) yang bertujuan untuk memberikan maklumat terkini dan nasihat-nasihat kesihatan mengenai dengan jangkitan Coronavirus Baharu (2019-nCoV).

Nombor-nombor Talian Nasihat Kesihatan adalah +673 2381380 dan +673 2381383, yang mana akan mula beroperasi pada Rabu, 5 Februari bersamaan 11 Jamadilakhir 1441.

Talian ini akan beroperasi pada waktu bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang.

Bagi panggilan di luar waktu bekerja, orang ramai boleh terus menghubungi Talian Darussalam 123. Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn/SitePages/2019nCoV.aspx](http://www.moh.gov.bn/SitePages/2019nCoV.aspx) untuk maklumat lanjut mengenai jangkitan Coronavirus Baharu (2019-nCoV).

كمترنن كصيختن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## TALIAN NASIHAT KESIHATAN 2019-nCoV

2381380 atau 2381383



### Waktu Operasi:

Isnin -Khamis & Sabtu  
7:45 pagi - 12:15 tengahari  
1:30 petang - 4:30 petang

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) |

di antara suami isteri secara konsisten bagi memastikan komitmen suami dan isteri dalam menjalankan tanggungjawab rumah tangga bersama. Kelebihan suami diwajibkan memberi nafkah akan menimbulkan rasa taat dan hormat isteri terhadap suami. Bila tanggungjawab nafkah suami dilaksanakan dengan baik, maka isteri juga akan turut memainkan peranan, iaitu taat kepada Suami sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'alala. Oleh itu, melaksanakan tanggungjawab merupakan ikatan suami isteri. Komunikasi yang kuat antara suami isteri akan menjamin rumah tangga yang bahagia sakinah, mawaddah warahmah, boleh meraih keberkatan dalam rumah tangga," ujar Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Juga hadir, Ra'es KUPUSB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

# Berdaham dan batuk ketika sembahyang

KELUARAN KEDUA

## Berdaham Dan Batuk Ketika Sembahyang

**T**ERDAPAT beberapa keadaan berkenaan orang berdaham dan batuk ketika sembahyang seperti berikut :

### 1. Berdaham dan batuk tanpa sebab

Berdaham dan batuk tanpa sebarang hajat ataupun keuzuran boleh membatalkan sembahyang jika ia mengeluarkan dua huruf yang difahami ataupun tidak, satu huruf yang dapat difahami atau satu huruf yang *mamduh*.

Selain berdaham dan batuk, ini termasuk juga ketawa, mengerang, menghembus angin sama ada melalui mulut atau hidung dan menangis sekalipun menangis disebabkan rasa takutkan akhirat. Ia boleh membatalkan sembahyang jika ia mengeluarkan dua huruf yang difahami ataupun tidak, satu huruf yang dapat difahami atau satu huruf yang *mamduh*.

Walau bagaimanapun, tidak termasuk dalam kategori bercakap ketika sembahyang jika bunyi yang keluar dari mulut atau hidung itu tidak mengandungi dua huruf atau satu huruf yang dapat difahami selagi tidak ada niat untuk bermain-main.

### 2. Berdaham dan batuk yang tidak dapat ditahan (*al-ghalabah*)

Adakalanya batuk dan berdaham tidak dapat ditahan ketika sembahyang. Maka hukum berdaham dan batuk yang tidak dapat ditahan adalah seperti berikut :

- Jika berdaham dan batuk yang tidak dapat ditahan itu dengan kadar yang sedikit mengikut *'uruf*, maka perbuatan itu dimaafkan dan tidak membatalkan sembahyang kerana tidak melebihi

kadar yang sedikit walaupun menzahirkan dua huruf.

- Jika berdaham dan batuk yang tidak dapat ditahan itu dengan kadar yang banyak mengikut *'uruf*, maka menurut pendapat yang muktamad perbuatan itu tidak dimaafkan dan boleh membatalkan sembahyang kerana melebihi kadar yang sedikit.

Menurut al-Jurdani Rahimahullahu Ta'alā sukat-sukat sedikit mengikut *'uruf* itu ialah enam perkataan.

### 3. Berdaham supaya dapat membaca bacaan wajib

Menurut Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullahu Ta'alā dalam kitab al-Fatwa al-Kubra al-Fiqhiyyah bahawa jika berdaham kerana kesukaran membaca bacaan wajib seperti Surah Al-Fatiyah atau rukun *qauli* yang lain, maka tidaklah membatalkan sembahyang dan dimaafkan jika banyak sekalipun kerana hendak menghasilkan rukun. Hukum berdaham di sini berbeza antara berdaham supaya dapat membaca bacaan wajib dengan berdaham kerana tidak dapat ditahan sebagaimana disebutkan sebelum ini.

### 4. Berdaham supaya dapat membaca bacaan sunat

Sementara itu, tidaklah dimaafkan jika berdaham supaya dapat membaca bacaan sunat ketika sembahyang, seperti supaya dapat membaca bacaan dengan nyaring, membaca surah-surah selepas Al-Fatiyah, qunut dan *takbiratulintiqal* (mengucapkan *Allahuakbar* pada setiap kali hendak melakukan rukuk dan sujud, dan ketika hendak bangkit daripada sujud dan *tasyahhud awwal*). Kerana ia hanyalah perkara sunat dalam sembahyang dan tidak ada keperluan atau darurat untuk berdaham kerananya. Berdaham bagi tujuan membaca bacaan sunat akan membatalkan sembahyang jika mengeluarkan dua

huruf yang difahami ataupun tidak, satu huruf yang dapat difahami atau satu huruf yang *mamduh*.

### 5. Kedudukan maknum apabila imam berdaham

Jika maknum mendapat imam berdaham dengan mengeluarkan dua huruf yang difahami ataupun tidak, atau berdaham dengan mengeluarkan satu huruf yang dapat difahami atau berdaham dengan mengeluarkan satu huruf yang *mamduh* maka tidaklah perlu maknum *mufaraqah* daripada imam bahkan boleh dia kekal mengikut imam kerana dengan sangkaan bahawa imam mempunyai keuzuran. Akan tetapi jika ada tanda yang imam melakukannya tanpa keuzuran maka wajib maknum *mufaraqah*.

### 6. Menghadapi penyakit batuk yang berterusan

a) Jika seseorang menghadapi penyakit batuk yang dikategorikan sebagai batuk yang boleh membatalkan sembahyang secara berterusan dan tidak berhenti walaupun dia mempunyai tempoh waktu sembahyang yang panjang, maka melakukan sembahyang dengan keadaan batuknya itu tidak membatalkan sembahyang, bahkan dia tidak perlu mengulang sembahyangnya setelah sembah sebagaimana hukum sembahyang orang yang mengalami penyakit masalah *salisulbaul* (kencing berterusan).

Akan tetapi, jika batuknya yang berterusan itu boleh berhenti dalam tempoh tertentu yang mencukupi baginya untuk mendirikan sembahyang tanpa batuk, tetapi dia tetap melakukan sembahyang dengan keadaan batuk yang sedemikian itu, maka itu boleh membatalkan sembahyang kerana melakukan batuk yang banyak.

b) Jika seseorang itu kuat sangkaannya bahawa penyakit batuknya akan sembah dalam waktu sembahyang



**IRSYAD HUKUM**

جَاتِنْ مِيَهْ كَلْ جَانْ  
جَاتِنْ فَرَقَاتِيْ بَكَلْ دُونِيْ دَلِيَّة

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)

E-mail : [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) - [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn)

yang panjang dan sebelum berakhir waktu sembahyang maka wajib baginya menunggu sehingga waktu tersebut untuk melakukan sembahyang.

c) Sementara itu, jika seseorang yang menghidap penyakit batuk yang berterusan itu hilang batuknya di awal waktu sembahyang dan kuat sangkaannya batuknya akan kembali selepas itu, maka wajib dia menyegerakan sembahyangnya pada awal waktu itu.

d) Sekiranya seseorang itu apabila dia mandi, pada kebiasaannya batuknya akan reda dalam tempoh dia boleh mengerjakan sembahyang, maka dia wajib melakukan mandi tersebut.

Kesimpulannya, berdaham dan batuk ketika melakukan sembahyang itu mempunyai sukat-sukat hukum yang perlu diketahui. Ini kerana adakalanya berdaham dan batuk itu juga boleh membuatkan sembahyang yang kita lakukan itu tidak sah ataupun terbatas sebagaimana diterangkan sebelum ini. Dengan adanya pengetahuan mengenai hukum berdaham dan batuk ini, sudah tentu kita akan dapat mengelak daripada ibadat sembahyang yang dilakukan dalam keadaan berdaham dan batuk menjadi batal.

منجو كريضاعن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
کلوان قوسة دعوه اسلامیہ

**D**ALAM menjalani kehidupan sehari-hari, naluri manusia pada hakikatnya mestilah berpegang kepada ajaran agama yang boleh membimbangnya daripada terus terjerumus ke lembah kesesatan. Hidup seseorang akan kosong dan terumbang-ambil jika tidak berpandu kepada suatu ajaran yang kukuh dan bimbang mantap yang dapat membawanya ke arah kehidupan yang sempurna. Ini tidak lain dan tidak bukan ialah kitab suci Al-Quran kerana ia tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan manusia. Ia sebuah kitab yang lengkap yang mengandungi pelbagai bentuk pendidikan yang mendidik manusia dan merupakan didikan sepanjang hayat. Kesempurnaan hidup manusia terletak kepada amalan kehidupan berlandaskan Al-Quran. Kewujudan Al-Quran sebagai kitab pelengkap kitab-kitab Samawi yang terdahulu. Kandungannya meliputi seluruh syariat yang dibawa oleh Zabur, Taurat dan Injil.

Sebagai sebuah kitab yang bersifat lengkap, Al-Quran dilabel sebagai penyelamat, sama ada bagi kehidupan di dunia maupun di akhirat. Itulah janji Allah Subhanahu Wata'ala yang pasti akan terlaksana. Di dalamnya mengandungi pelbagai permasalahan yang relevan untuk sepanjang zaman.

Dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 16 menjelaskan bahawa Al-Quran itu

sebagai petunjuk ke jalan keselamatan, yang tafsirnya :

"Dengan Al-Quran itu Allah mengurniakan petunjuk kepada sesiapa yang (amalannya) mengikut keredaan-Nya menuju jalan-jalan keselamatan dan Allah mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (keimanan) dengan izin-Nya serta mengurniakan hidayat ke jalan yang lurus".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala ini menyatakan tentang petunjuk yang dikurniakan oleh-Nya bagi hamba-hamba-Nya yang mengamalkan apa yang terkandung di dalam Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari. Ini kerana sesungguhnya Al-Quran itu mengandungi pelbagai garis pandu dan hukum-hakam yang menjurus ke arah keselamatan dunia dan akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syuraa, ayat 52 yang tafsirnya :

"Dan demikian juga Kami wahyukan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) roh (Al-Quran yang menghidupkan hati) dengan perintah Kami. Sebelumnya engkau tidak pernah mengetahui apakah Al-Quran itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu, tetapi Kami menjadikan Al-Quran itu sebagai cahaya yang Kami kurniakan petunjuk degannya sesiapa yang Kami kehendaki

daripada hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau adalah memberi petunjuk (dengan Al-Quran itu) ke jalan yang lurus".

Individu yang hidup berpandukan Al-Quran pasti akan merasa ketenangan dan tidak tersasar ke arah keruntuhan akhlak. Sesungguhnya Al-Quran itu adalah penawar yang dapat mengurniakan petunjuk ke jalan yang diredayai Allah Subhanahu Wata'ala bagi sesiapa yang beriman dengannya dan mengamalkan ajaran-ajarannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa, ayat 82 yang tafsirnya :

"Dan Kami turunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir), selain kerugian".

Sebagai umat manusia di muka bumi ini menyedari kepentingan Al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan dan amalan, umat akan selamat di dunia dan di akhirat. Begitulah generasi Arab pada zaman Jahiliyah, setelah mereka memeluk Islam, mereka menjadi umat yang hebat dan kehidupan mereka selamat duniawi dan ukhrawi kerana mereka berpegang dengan Al-Quran. Padahal sebelum itu mereka merupakan golongan yang tidak bertamadun, ternyata perubahan yang ketara itu terjadi

disebabkan oleh pengaruh atau didikan yang diperoleh melalui Al-Quran. Mereka sama sekali tidak membelaangi hukum Allah. Inilah yang menjadikan mereka dihormati.

Sebagaimana Al-Quran adalah penyelamat di dunia dalam membimbang manusia ke arah kecemerlangan hidup, di akhirat juga ia merupakan penyelamat kerana bersifat sebagai pemberi syafaat ke atas orang-orang yang membaca Al-Quran. Perkara ini disebut dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Ummamah Al-Bahiliyah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang kepada kamu pada hari kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya".

Selain itu, Allah Subhanahu Wata'ala juga menjanjikan ganjaran pahala yang besar bagi orang-orang yang beriman dengan Al-Quran dan mengerjakan amalan-amalan soleh seperti yang dijelaskan dalam Surah Al-Israa', ayat 9 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar".

## Al-Quran sumber keselamatan dunia, akhirat

## ...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

# Jalankan tanggungjawab kita sebagai rakyat!



**PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ketika berucap pada Majlis Pembukaan PMB.**

## PMB salurkan maklumat jelas

Oleh : Noraisah Haji Muhammed

Foto : Noraisah Haji Muhammed, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Februari. - Seramai 40 peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Morney bin Amat diberi pendedahan mengenai 'Kefahaman Ajaran Sesat dan Cara Menghindarinya' yang disampaikan oleh Bahagian Pengukuasaan Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Taklimat diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Antara isi taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Awang Abdul Kadir bin Abdul Rahman menyentuh mengenai Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam dari segi kepercayaan dan pengamalan adalah berasaskan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut pendekatan al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dalam bidang Usuluddin dan Mazhab Imam Al-Shaf'i dalam bidang Syari'ah.

**PARA Peserta PMB yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pandan 'B' mendengarkan taklimat yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.**

**PARA** peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi juga pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

**BELAIT**, Selasa, 4 Februari. - Selaku rakyat, kita perlu menjalankan tanggungjawab terhadap negara dan pemerintahan dengan sentiasa menunjukkan taat setia kepada Raja, menghormati dan mematuhi Perlembagaan dan undang-undang serta pemerintahan negara, mendukung falsafah Melayu Islam Beraja dan mendukung matlamat dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Jabatan Penerangan berhasrat untuk menyuntik semangat para peserta untuk meningkatkan lagi peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat demi menjaga dan

memelihara keamanan dan keharmonian negara," tambah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya semasa Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bagi Kampung Pandan 'B', Mukim Kuala Belait.

Program berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait, Daerah Belait dan disertai seramai 40 peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung

Pandan 'B', Awang Morney bin Amat.

Program dilaksanakan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk meningkatkan ilmu

pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan.

Melalui program itu juga, para peserta dijangka akan dapat mengukuhkan matlamat melalui sikap jati diri yang kuat dan bersemangat dalam terus memberikan kerjasama mendukung aspirasi negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi.

Oleh : Noraisah Haji Muhammed  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

sebagainya.

Antara langkah-langkah menangani ajaran sesat melalui media massa, khutbah dan ceramah agar masyarakat Islam di negara ini lebih berhati-hati dan berwaspada terhadap pergerakan mereka.

### Ke muka 12

**PEGAWAI Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara ketika menyampaikan Taklimat bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri'.**



# ...Sekitar Program Masyarakat Bermaklumat...

## Dari muka 11

Di samping itu, meningkatkan kesedaran dan keprihatinan orang ramai agar memberikan maklumat atau melaporkan pergerakan sesat kepada pihak-pihak berkua.

Temu bual Pelita Brunei bersama Pemangku Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Morney berkata, taklimat yang diikuti oleh peserta memang bermanfaat, selain dapat



**PEMANGKU** Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Morney bin Amat semasa ditemu bual.

memberi maklumat yang jelas, ia juga akan diterapkan dalam menangani permasalahan yang bakal dihadapi dalam memberi kefahaman kepada anak buah kampung.

Taklimat kedua bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri', disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awangku Mohd. Noor Hamadi bin Pengiran Ahmad.

Awangku Mohd. Noor Hamadi,



**SALAH** seorang peserta, Dayang Hajah Siti Aisah binti Haji Syukur semasa ditemu bual.

antara lain menghuraikan mengenai 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri' atau lebih dikenali dengan panggilan 'Bahasa Raja-Raja' atau 'Bahasa Orang Istana'.

Selain itu, 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri' bukan sahaja digunakan oleh kerabat diraja, tetapi juga digunakan oleh orang-orang tertentu seperti mereka yang diberikan gelaran,

memegang peranan penting dalam masyarakat, dan memegang jawatan-jawatan tertentu dalam kerajaan.

Pelita Brunei juga menemu bual salah seorang peserta, iaitu Dayang Hajah Siti Aisah binti Haji Syukur, di mana menurut beliau, dengan adanya penerangan yang jelas, mereka mendapat pembelajaran

mengenai terasul dan Bahasa Pengganti diri' yang sebelum ini tidak diketahui.

"Pengetahuan sebegini insyaAllah akan saya kongsikan lagi bersama keluarga dan rakan-rakan," jelasnya lagi.

PMB sehari suntuk itu diakhiri dengan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Kota Batu.



**PARA** Peserta Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bagi Kampung Pandan 'B', Mukim Kuala Belait menyaksikan salah satu pameran di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

## Restoran Sihat kini semakin meningkat



**KETUA** Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan menyerahkan Sijil Program Restoran Sihat kepada The Juice Energy Shop.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Februari. - The Juice Energy Shop kini menyertai Program Restoran Sihat yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dalam usaha membantu meningkatkan pilihan pengambilan minuman lebih sihat di negara ini.

Pelancaran program tersebut berlangsung di The Juice Energy Shop, Batu Bersurat disempurnakan oleh Ketua PPK, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim selaku tetamu kehormat.

The Juice Energy Shop menyediakan pelbagai jenis jus minuman yang dibuat daripada buah-buahan asli 100 peratus tanpa gula, bagi menggantikan minuman manis sesuai untuk mereka yang

berdiet.

Trend pemilihan makanan sihat di negara ini semakin meningkat di kalangan rakyat Brunei, terutama di restoran-restoran dan kafe-kefae.

Namun begitu, orang ramai juga haruslah menitikberatkan akan kebersihan dan juga makanan yang dimakan tersebut terjamin daripada segi kesihatannya.

Untuk menyajikan atau mendapatkan makanan yang sihat tidaklah begitu rumit sekiranya kita membuat pilihan makanan yang betul.

Objektif utama program tersebut adalah untuk meningkatkan persekitaran makanan di negara ini dengan meningkatkan ketersediaan pilihan makanan yang lebih sihat, dengan itu dapat

## PJSC sambut Hari Kanser Sedunia

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC)**

**JERUDONG**, Selasa, 4 Februari. - Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) hari ini meraikan Hari Kanser Sedunia bersama para pesakit kanser dan rakan kongsiannya iaitu Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA) dan Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (BBCSG) bertempat di PJSC.

Sambutan sempena Hari Kanser Sedunia yang diraikan di PJSC

tersebut akan diakhiri dengan acara Walk Run Cycle Event bersempena dengan hari istimewa tersebut pada 9 Februari 2020.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa perhimpunan hari ini, termasuk petak-petak jualan daripada rakan-rakan kongsi yang memperkenalkan peranan mereka dalam menyokong pesakit kanser, koleksi baju t-shirt penghidap

kanser yang mengambil bahagian semasa Walk Run Cycle, pengemas kini bersama UICC dan juga pengedaran lencana-lencana yang bertemakan Hari Kanser Sedunia, biskut dan juga cupcakes untuk para pengunjung.

Hari Kanser Sedunia disambut pada setiap 4 Februari di seluruh dunia dengan tujuan utamanya bagi meningkatkan kesedaran terhadap kanser melalui sokongan dan koordinasi dari The Union for International Cancer Control (UICC).



**PUSAT** Pakar Pantai Jerudong bergambar ramai bersama para pesakit kanser dan rakan kongsi, iaitu Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA) dan Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (BBCSG).

mewujudkan persekitaran pasaran tempatan yang kondusif untuk menyokong pilihan makanan yang sihat dan memupuk budaya serta amalan untuk memilih makanan yang lebih sihat.

Restoran atau kedai makanan yang mengambil bahagian mestilah memenuhi kriteria yang

disediakan oleh PPK, di mana garis panduan tersebut menyatakan bahawa restoran atau kedai makanan harus menyediakan sekurang-kurangnya 25 peratus menu pilihan lebih sihat.

Makanan atau minuman yang dianggap sebagai pilihan lebih sihat akan dilabelkan dengan Logo

Pilihan Sihat (Healthier Choice Logo) pada menu.

Kerjasama tersebut adalah penting untuk menyokong dan mempromosikan inisiatif makanan sihat di negara ini ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam meningkatkan kualiti kehidupan.



**PENOLONG** Penyelia Pusat Belia ketika ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Kesejahteraan golongan belia serta komuniti sekeliling merupakan salah satu tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pusat Belia.

Selain inisiatif pembangunan fizikal yang bertujuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti infrastruktur kepada golongan belia dan komuniti sekeliling, langkah-langkah pembangunan sosial juga perlu diberikan perhatian khusus.

Adalah menjadi harapan Pusat Belia dan Jabatan Belia dan Sukan untuk melahirkan belia-belia yang berjiwa besar, berbudaya, berpengetahuan dan cemerlang selaras dengan mewujudkan persekitaran sebuah Pusat Belia yang bertaraf antarabangsa.

Menurut Penolong Penyelia Pusat Belia, Awang Ibrahim bin Haji Sabli ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Pusat Belia Bandar Seri Begawan sudah pun menjangkau usianya Yang Ke-50 Tahun, di mana pada awal sejarahnya, peletakan batu asas bangunan berkenaan



**PUSAT** tersebut dilengkapi dengan asrama dan kolam renang (atas dan bawah).



**PUSAT** tersebut dilengkapi dengan asrama dan kolam renang (atas dan bawah).

# Jadikan Pusat Belia bertaraf antarabangsa!

disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah pada 27 Ogos 1967.

"Sementara pembukaan rasminya pula sempurna dirasmikan pada 20 Disember 1969 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Pembinaan Pusat Belia yang letaknya di Jalan Kianggeh itu katanya, adalah semata-mata dihasratkan oleh Kebawah DYMM untuk memberi kemudahan kepada golongan belia bagi mengadakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian.

Pusat tersebut menurutnya, juga dilengkapi dengan asrama tempat tinggal yang pada masa ini sudah pun dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan untuk orang ramai termasuk para pelancong dari negara luar.

Beliau seterusnya menerangkan penggunaan pusat tersebut pertama kali dibukakan kepada orang ramai sejak 23 Mac 1969 bagi mengadakan aktiviti-aktiviti dalam bidang keugamaan, kebudayaan, ekonomi, sukan termasuk yang pernah dijalankan sebelum ini, iaitu Skim Latihan dan Kemajuan Belia Peringkat Pertama yang sekarang ini dikenali



**PUSAT** Belia Bandar Seri Begawan dirasmikan pada 20 Disember 1969 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

dengan Pusat Pembangunan Belia.

Pelbagai kemudahan yang disediakan di pusat tersebut seperti Asrama; Bilik Persidangan; Dance Studio; Share Kitchen; Dewan Riadah; Dewan Silaturrahim; Jamming Studio; Kawasan Letak Kenderaan; Kolam Renang; Bilik Gulingtangan, Ruang Belia Kitani (RBK) dan Surau.

Penubuhan pusat ini juga adalah bagi menjunjung dan menyahut titah Kebawah DYMM, yang sering kali menekankan dalam perutusan titah-titah baginda agar golongan belia diberikan perhatian, selain berharap agar agensi-agensi kerajaan lebih giat dalam melaksanakan peranannya sebagai pemudah cara dalam hal membantu dan membimbing aset negara ini.

Hasrat untuk menghidupkan kembali Pusat Belia sebagai pusat pergerakan dan pembangunan belia sukar untuk direalisasikan tanpa sokongan dan penyertaan padu daripada golongan belia dan komuniti sekeliling.

Mereka juga harus melakukan transformasi sikap dan gaya hidup untuk mendukung hasrat bagi menghidupkan Pusat Belia sebagai pusat pergerakan dan pembangunan belia.

Semangat menyayangi dan bertanggungjawab kepada persekitaran Pusat Belia ini perlu dipupuk dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa ke arah mencapai misi Pusat Belia.

Pusat Belia perlu mempertingkatkan imej di mata masyarakat sebagai sebuah organisasi yang mempunyai kewibawaan untuk membuat perubahan yang telah dirancang dan dijalankan.

Berbagai kemudahan sudah dinaik taraf dan sedang dirancang untuk para belia mengikut peredaran masa sekarang.

Tinggal belia sahaja lagi untuk mempergunakan serta memperagakan semua kemudahan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Ihsan Pusat Belia

yang sudah disediakan oleh melalui Kementerian Kebudayaan, Kerajaan Kebawah DYMM Belia dan Sukan.



PELBAGAI kemudahan disediakan, dinaik taraf dan sedang dirancang untuk para belia mengikut peredaran masa sekarang (atas dan bawah).





## KEMENTERIAN KESIHATAN



**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 285 / 2019 / 2020 / UPP (TC)

**KETERANGAN :**  
SUPPLY, DELIVERY AND MAINTENANCE OF BONE CONDUCTION HEARING AIDS FOR BONE ANCHORED HEARING AID (BAHA) PROGRAM FOR AUDIOLOGY SERVICES, DEPARTMENT OF OTORHINOLARYNGOLOGY AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00

**BILANGAN TAWARAN :**

KK / 289 / 2019 / 2020 / JPK (TC)

**KETERANGAN :**  
THE PROVISION OF CLEANING AND GRASS CUTTING SERVICES FOR BELAIT HEALTH OFFICE FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS  
**YURAN TAWARAN :**  
BND 10.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
KK / 290 / 2019 / 2020 / SSBH

**KETERANGAN :**  
TO SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF MEDICAL AIR COMPRESSOR AT SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT  
**YURAN TAWARAN :**  
BND 30.00

**BILANGAN TAWARAN :**  
PHARM / 291 / 2019 / 2020

**KETERANGAN :**  
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH

**YURAN TAWARAN**  
BND 30.00

**TARIKH TUTUP**  
Selasa, 18 Februari 2020  
tidak lewat jam 2.00 Petang



## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**BIL. TAWARAN :**  
KHEU / BDP / 164 / 288 / 2019

**TAJUK :**  
TERM CONTRACT 12 MONTHS FOR GRASS CUTTING AND GROUND MAINTENANCE KUBAH MAKAM DIRAJA BATU SATU, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TUTUP :**  
RABU, 12 FEBRUARI 2020,  
2.00 PETANG

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

'INSPECTION AND MAINTENANCE OF FIRE PROTECTION SYSTEMS FOR BUILDINGS OWNED BY DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION.'

**Bilangan Tawaran :**  
DCA / AFS / 2019 - 2020 / SH-18  
**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 18 Februari 2020  
tidak lewat jam  
2.00 Petang



## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERKHIDMATAN 'AIRPORT OWNERS AND OPERATORS LIABILITY INSURANCE'**

Bilangan tawaran :  
JPA / ADM / 2020 / 03 (R)

Tarikh tutup tawaran :  
Selasa, 17 Mac 2020



## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

## JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON

**Jawatan :**

1. Adviser, Trade Competitiveness Trade, Oceans and Natural Resources Directorate
- Tarikh Tutup :** 7 Februari 2020

2. Head of Office Deputy-Secretary-General's Office
- Tarikh Tutup :** 12 Februari 2020

3. Digital Content Editor Communications Division
- Tarikh Tutup :** 13 Februari 2020

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN



## TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH BAHAGIAN ASRAMA MAKAN

**BILANGAN TAWARAN :**  
MOE / LTK / 90 / 2019 / 2020  
(DA[BPPA-JAN-2020])

**KETERANGAN :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH ASRAMA MAKAN BAGI :



## KEMENTERIAN PERTAHANAN



**TAWARAN NO. :**  
JPPK / LTK / 03 / 2020

**GENERAL MAINTENANCE AND REPAIR WORKS TO BUILDING 58 AND 59 AT PENANJONG GARISON**

**BAYARAN TAWARAN :**  
BND30.00 (tidak dikembalikan)

**KELAS : III**

**KATEGORI KA01, B01 / M01 / E01 dan E02**

**TEMPOH PENYIAPAN :**  
EMPAT (4) BULAN

**TARIKH TUTUP :**  
Selasa, 18 Februari 2020,



tidak lewat  
jam 2.00 Petang

**BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**  
11 FEBRUARI 2020  
[Tidak lewat  
jam 2.00 Petang]

1. SEKOLAH RENDAH DATO MAHARAJA SETIA DIAN SUKANG
2. SEKOLAH RENDAH MELILAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT [KOD BLOK : AM/01]


**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI**


**BILANGAN SEBUT HARGA :  
JKN / BPEA / SH / 2020 (1)**

**KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BAGI BANGUNAN MAHKAMAH BESAR BRUNEI DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, BANDRA SERI BEGAWAN, BAGI TEMPOH 12 BULAN**

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN :**  
12 FEBRUARI 2020

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Selasa, 18 Februari 2020


**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN TAWARAN :  
(10) NDMC / TSH / 2019-2020**

**TAJUK TAWARAN :  
SUPPLY, DELIVERY AND  
INSTALLATION OF ASSETS AND  
LOGISTIC FOR DISASTER  
OPERATION AT THE NATIONAL  
DISASTER MANAGEMENT CENTRE**

**YURAN TAWARAN :**  
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**TARIKH TUTUP :**  
Rabu, 12 Februari 2020  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA**
**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :  
JPE / LTK / PSP / 063 / 2019**

**TAJUK TAWARAN :  
PENGUKUHAN SISTEM RANGKAIAN 11KV MUKIM PEKAN TUTONG TERMASUK KG. PENANJONG TANAH BUROK, PADANG KAWAT BUKIT BENDERA DAN SENGKARAI.**

**TARIKH TUTUP :  
10 MAC 2020 / SELASA  
(JAM 2.00 PETANG)**

**YURAN TAWARAN :  
BND1,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**KELAYAKAN :  
KELAS V ATAU VI SAHAJA  
KATEGORI E02 & E03  
TEMPAT TUTUP :  
TENDER BOX**



**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
BASEMENT 2 (B2)  
KEMENTERIAN TENAGA  
KOMPLEKS BANGUNAN JABATAN  
PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO. :  
JPPK / LTK / 39 / 2019**

**REPAIR WORK TO MRS AND JRC FOR AARM VILLAGE AT TUTONG CAMP**

**BAYARAN TAWARAN :  
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**KELAS : III & KE ATAS**

**KATEGORI KA01, B01 dan E01**

**TEMPOH PENYIAPAN :  
TIGA (3) BULAN**

**TARIKH TUTUP :  
Selasa, 11 Februari 2020, tidak lewat jam 2.00 Petang**


**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**[ i ] Nama Projek : RECTIFICATION WORKS TO TRANSIT TERRACE UNITS AT JALAN 11 (FASA 1), RPN KG. LAMBAK KANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**[ ii ] Bil. Projek : JKP / 01 / 2020**

**Tarikh Buka Tawaran :  
5 Februari 2020 (Rabu)**

**Tarikh Tutup Tawaran :  
18 Februari 2020 (Selasa)  
tidak lewat  
jam 2.00 Petang**


**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**


**Bilangan Tawaran :  
KKW / BPSM / 11 Q.2 / 2020**

**Tajuk Sebut Harga :  
TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT EXCEL' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**Bilangan Tawaran :  
KKW / BPSM / 11 Q.3 / 2020**

**Tajuk Sebut Harga :  
TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT POWERPOINT' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**Bilangan Tawaran :  
KKW / BPSM / 11 Q.4 / 2020**

**Tajuk Sebut Harga :  
TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN SEBUT HARGA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :  
KKW / BPSM / 11 Q.1 / 2020**

**Tajuk Sebut Harga :  
TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT WORD' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**SKILLS : MICROSOFT ACCESS' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**Bilangan Tawaran :  
KKW / BPSM / 11 Q.5 / 2020**

**Tajuk Sebut Harga :  
TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE)**

**'TEAMBUILDING' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**Bilangan Tawaran :  
KKW / BPSM / 11 Q.6 / 2020**

**Tajuk Sebut Harga :  
TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'THINKING OUT OF THE BOX : INNOVATION AND CREATIVITY' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**TARIKH TUTUP :**

**SABTU, 15 FEBRUARI 2020  
SEBELUM  
JAM 2.00 PETANG.**

## IKLAN


**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**KEBANKRAPAN NO. 413  
TAHUN 2018**
**BAIDURI BANK BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
Vs

**BOBY BIN RAZALI  
(BYIC No. 01-053352)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Mac 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 Februari 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Februari 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 November 2019

**KEBANKRAPAN NO. 165  
TAHUN 2018**
**BIBD BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
Vs

**MOHAMMAD HASNAN BIN METASSAN  
(BYIC NO. 00-274574)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 4 April 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Februari 2020**, jam **9.45 Pagi**.

Besar pada **19 Februari 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **19 Februari 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 29 Oktober 2019

**HJH. NORMAZDINA HJ. MD. MASKUB**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO. 601  
TAHUN 2012**
**BAIDURI FINANCE BHD.  
(previously filed by  
HSBC FINANCE (B) BHD.)**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
Vs

**ZOLKEFLY BIN HAJI ZAININ  
(BYIC NO. 00-110972)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Jun 2013.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Februari 2020**, jam **9.45 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **13 Februari 2020**, jam **9.45 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 6 November 2019

**KEBANKRAPAN NO. 391  
TAHUN 2019**
**PERBADANAN TAIB**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
Vs

**RADEWAN BIN AMIDON  
(BYIC No. 00-288281)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **4 Mac 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Mac 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 13 November 2019

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN)  
NO.BCY / ICWP // 4 / 2019**
**DALAM PERKARA AKTA PERINTAH  
INSOLVENSI 2016**

DAN

**DALAM PERKARA GLOCOATING  
ENGINEERING SDN. BHD.**
**NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA  
PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Penggulungan bertarikh 8 Ogos 2019).

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama pemutang mengenai perkara di atas

akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Mahkamah Besar, **20 Februari 2020**, jam **9.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini

Bertarikh : 13 Januari 2020

**NURUL HIDAYAH HAMDAN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KEBANKRAPAN NO. 110  
TAHUN 2019**
**BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
(previously filed by  
HSBC FINANCE (B) BHD.)**

- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
Vs

**AHMAD NAJMIE  
BIN MOHAMMAD IDULFITRI  
(BYIC NO. 01-058696)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 17 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 Februari 2020**, jam **9.30 Pagi**.


Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **19 Februari 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 6 November 2019

**NUUROR-RAHEEBAH HJ. ABD. WAHAB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**JABATAN PERKHIDMATAN POS  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**
**JUALAN SECARA TAWARAN AWAM  
8 UNIT SORTING FRAME  
(BACK TO BACK)**
**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

- TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan yang berminat bolehlah mendapatkan borang tawaran pada **3 Februari 2020** (Isnin) di Unit Kewangan, Tingkat 1, Pejabat Besar Pos, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, BS8611, Negara

Brunei Darussalam dengan harga BND5.00 bagi setiap satu set (Wang tidak dikembalikan) dengan membawa bersama Kad Pengenalan Asal.

3. Pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan bolehlah meliat barang-barang berkenaan bermula pada **10 Februari 2020** (Isnin) hingga **12 Februari 2020** (RABU), Waktu Pejabat bertempat :

**LOT 1 - Post Office (MPC), Berakas.**

**Pegawai Dihubungi :**

**Yassin - +673 8871597**

**Hj Ekram - +673 8629822**

4. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar kepada :

**Jabatan Perkhidmatan Pos**

**Peti Tawaran Tingkat 1**

**Unit Kewangan, Pejabat Besar Pos**

**Jalan Elizabeth II  
Bandar Seri Begawan, BS8611  
Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **13 Februari 2020 (Khamis), jam 2.00 Petang.**

6. Pembeli yang berjaya akan dihubungi oleh Pihak Urus Setia dan dikehendaki untuk membayar secara **WANG TUNAI** dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam). Jika pembeli yang berjaya tidak dapat menjelaskan pembayaran berkenaan dalam masa yang ditetapkan, maka pembeli yang berjaya adalah dikira menarik diri dan dibatalkan. Manakala pembeli yang tidak berjaya akan dimaklumkan menggunakan E-MAIL.

7. Untuk keterangan lanjut, bolehlah menghubungi :

**Pg. Hj. Muhammad Iqbal Hakeem bin Pg.**

**Hj. Hashim (hakeem.hashim@post.gov.bn)**

**ATAU telefon bimbit +673 8968205**

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

9. Pembeli yang berjaya, tetapi tidak menjelaskan bayaran dalam masa 48 jam setelah dihubungi akan dikenakan tindakan atau akan disenaraihitamkan mengikut keputusan Pengerusi Jawatankuasa Penghapusan, Jabatan Perkhidmatan Pos dan pihak penjual berhak menawarkan kepada tertinggi kedua dan seterusnya jika tertinggi pertama gagal menjelaskan bayaran atau menarik diri.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah memindah barang-barang tersebut dalam tempoh **tujuh hari** dari tarikh bayaran dan kegalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan (wang tidak dikembalikan) dan akan dijual kepada pihak kedua atau dilelong semula atau dimusnahkan.

11. Kelewatan memindahkan peralatan berkenaan dan menyebabkan barang-barang tersebut hilang, tidak akan di tanggungjawbkan oleh Penjual.

12. Jabatan ini berhak untuk membatalkan atau menangguhkan tawaran.

# PROGRAM PERKAMPUNGAN SIVIK

LEPASAN IJAZAH KALI KE-1 TAHUN 2020,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JABATAN PENERANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DAFTAR SEKARANG!**

**Taklimat & Forum** •  
**Team Building @OBBD** •  
**Lawatan** •  
**Aktiviti Keagamaan** •  
**Kerja Amal Kesukarelawanan** •

**BERMULA PADA :**  
**8 hingga 13 Februari 2020**

**BERTEMPAT :**  
**DAERAH TEMBURONG**

*Terbuka kepada lepasan ijazah :*  
Program Perkampungan Sivik merupakan salah satu aktiviti Jabatan Penerangan yang diperkenalkan sejak tahun 1976

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :  
Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan  
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Melalui telefon :  
2383400 | Sambungan 310.

Sila imbas Kod QR

# Pelajar berwawasan mampu tingkatkan usaha meraih kecemerlangan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**AWANGKU Mohammad Izzat Safwan bin Pengiran Mohd Fhame Masiswaddy**, pelajar lepasan 'O' Level dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

**TUTONG**, Selasa, 4 Februari. - Pelajar yang berwawasan dapat menyumbang kepada diri, keluarga dan negara kerana itu, pelajar digalakkan untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya supaya akan terus meningkatkan lagi usaha dalam meraih kecemerlangan.

Pelajar lepasan 'O' Level juga punyai pelbagai peluang untuk melanjutkan pelajaran bukan sahaja tertumpu di Pusat Tingkatan Enam, malahan juga

ke institusi pengajian tinggi seperti yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memberi kemudahan dan peluang pendidikan percuma kepada rakyat dan penduduk negara ini yang harus dimanfaatkan dan digunakan sepenuhnya.

Awangku Mohammad Izzat Safwan bin Pengiran Mohd Fhame Masiswaddy, pelajar lepasan O'Level dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkata, beliau akan melanjutkan pelajaran di Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET) memandangkan beliau tinggal di Lumut, Daerah Belait.

Beliau yang memperolehi 7 'O' Level, sangat berminat mengambil mata pelajaran Syariah, Usuluddin dan Accounting di PTET memandangkan beliau minat dalam mata pelajaran tersebut.

Dalam kesempatan ini, beliau turut mengongsikan tip bagi mendapat keputusan yang cemerlang, iaitu sering mengulang kaji pelajaran, solat dan berdoa kepada Allah serta memohon restu kepada kedua ibu bapanya.



**DAYANG Nurul Ain Zulaikha binti Haji Sharin**, lepasan 'O' level dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan mendapat keputusan 8 'O' Level.



**DAYANG Fatin Syahirah binti Ahmad Al-Shokry** dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri mendapat keputusan cemerlang, 9 'O' Level.

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Para pelajar lepasan 'O' Level kini mempunyai pelbagai peluang untuk melanjutkan pelajaran bukan sahaja tertumpu untuk masuk pusat-pusat tingkatan enam, malahan ke institusi pengajian tinggi seperti Politeknik Brunei, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan institusi pengajian tinggi swasta mengikut minat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Kemudahan dan peluang pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan perlulah dimanfaatkan dengan sepenuhnya apatah lagi bagi pelajar-pelajar lepasan 'O' Level yang baru

sahaja menerima keputusan masing-masing.

Dayang Nurul Ain Zulaikha binti Haji Sharin, lepasan 'O' Level dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan ketika ditemui berkata bahawa segala penat lelah ke arah merealisasikan cita-cita beliau terlaksana setelah berjaya mendapat 8 'O' Level. Dayang Nurul Ain juga berkesempatan berkongsi rahsia kejayaannya iaitu sentiasa mendirikan sembahyang, berdoa dan meminta restu serta keberkatan daripada kedua-dua orang tua.

"Kedua haruslah membuat jadual harian dan bagi masa untuk pembelajaran serta masa

peribadi. Masa peribadi itu sangat penting kerana ia dapat membantu mengurangkan tekanan setelah penat belajar. Ketiga, mengulang kaji empat ke lapan bulan sebelum peperiksaan berlangsung dan sebaiknya menulis nota setiap hari untuk mudah mengingati kembali apa yang dipelajari sewaktu sekolah. Terakhir sekali yang paling penting juga adalah banyak mengulang kaji dari kertas peperiksaan yang lepas kerana ia banyak membantu saya untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan," ujar beliau.

Beliau akan meneruskan pembelajarannya di peringkat 'A' Level di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan merancang untuk mengambil subjek Psikologi, Sastera Bahasa Inggeris dan Syariah.

Sementara itu, Dayang Fatin Syahirah binti Ahmad Al-Shokry dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang turut mendapat keputusan cemerlang iaitu 9 'O' Level melahirkan rasa syukur dan teruja kerana mendapat keputusan sedemikian.

"Saya berasa amat bersyukur kerana telah dapat membanggakan kedua ibu bapa saya. Saya akan melanjutkan pelajaran ke Pusat Tingkatan Enam Meragang dan merancang untuk mengambil mata pelajaran Business Studies, Psikologi dan Sastera Bahasa Inggeris dengan harapan akan dapat mencapai bidang pemasaran sebagai seorang Pegawai Pemasaran pada satu hari nanti insyaAllah," tambah beliau.


**کمترین قندیدیقن**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**  
**MINISTRY EDUCATION**

# ایسکو ڈی چائین ٹیکنیکی ۲۰۲۰

# HIGH EDUCATION EXPO 2020

FEBRUARY 8th - 9th, 9AM - 5PM  
BRIDEX HALL, JERUDONG  
BRUNEI DARUSSALAM





## Hobi jadi sumber jana pendapatan tambahan

**S**ERING kali kita diberitahu, salah satu cara untuk menjadi jutawan ialah dengan melakukan apa yang kita suka dan biasanya ia dipanggil hobi. Ada pepatah yang menyatakan 'Jika awda lakukan apa yang awda suka, awda tidak perlu bekerja sepanjang hayat'. Perkara pertama yang perlu dilihat ialah peluang komersial daripada hobi awda. Tidak semua hobi memberi keuntungan dari segi kewangan. Hobi yang menjadi kerjaya adalah hobi yang boleh menjadi sumber perniagaan seperti fotografi, kraf tangan dan banyak lagi.

Biasanya, masalah utama yang bakal dihadapi ialah cara memulakannya. Mendengar kisah mereka menggapai kejayaan melalui hobi yang dilakukan memang agak mudah tetapi untuk mengaplikasikan cara tersebut pada diri sendiri menjadi lebih sukar. Apa Pendapat Biskita pada keluarannya kali ini cuba mendapatkan pandangan orang ramai tentang hobi yang mampu menjana kepada penghasilan kewangan.

"Di mana ada kemauan di situ ada jalan' begitulah pepatah yang sering diungkapkan jika kita berkeinginan sesuatu di dalam usaha untuk memperbaiki kehidupan kita. Bergabung dengan komuniti yang memiliki hobi yang sama juga sangat membantu kita. Manfaatkan sepenuhnya hobi yang dimiliki kita dan mereka kerana ia bukan sahaja dapat memperluaskan pasaran tetapi juga berkongsi mengenai peluang bisnes dan hobi tersebut. Peluang mendapat rakan bisnes juga terbuka luas. Semakin ramai ahli komuniti, semakin baik. Namun, harus diingat bahawa dalam perniagaan, pasti wujudnya halangan. Bukan sedikit hobi yang masih terlalu berisiko untuk terus dijadikan kerjaya utama. Apatah lagi hobi awda itu sangat spesifik seperti membuat seni tanah liat misalnya yang mempunyai jaringan pasaran yang agak terhad. Jika awda berpendapat bahawa hobi sebagai perniagaan tidak menguntungkan, carilah pekerjaan yang boleh menyalurkan hobi awda. Misalnya, awda suka menyatakan pemikiran awda dalam bentuk tulisan di Blog. Kenapa tidak awda mencuba untuk menjadi seorang penulis? Kerana selain kita berpeluang memperlihatkan hasil penulisan kita bahkan ia juga membantu cara pemikiran kita lebih ke hadapan selain ia juga secara tidak langsung membantu menjana pendapatan kita hasil daripada hobi yang kita laksanakan." - **Awang Mohd. Irwan bin Seruddin, Telanai.**

"Menjadikan hobi sebagai kerjaya harus didukung dengan beberapa perkara antaranya tekun dan rajin kerana hanya beranggapan mudah sahaja tidak cukup untuk dijadikan alasan bagi memulakan sesbuah perniagaan. Kita harus menjadi seorang yang mampu bersaing dan bertahan dalam bidang yang diceburi dan juga perlu berterusan dalam mengasah kemampuan kita dengan sanggup mengorbankan waktu, keluarga, kewangan, menyertai kursus berkaitan dan rajin mencari maklumat. Selain itu, kita juga perlu bijak mengendalikan emosi kerana hobi sebagai sumber pendapatan kadang-kala memberi tekanan kepada diri kita. Jika tidak mempunyai semangat yang berkobar-kobar, kita mungkin berhadapan dengan masalah, lebih-lebih lagi ia memerlukan komitmen yang tinggi agar tetap konsisten melakukan pekerjaan. Perniagaan yang diusahakan mestilah berlandaskan minat. Minat terhadap sesuatu amat penting bagi melahirkan pemikiran yang kreatif dan kritis dalam memajukan perniagaan apatah lagi jika ia hasil daripada hobi kita sendiri. Ini kerana jika kita menjadikan hobi sebagai pendapatan kita bermakna kita juga perlu sentiasa memikirkan sesuatu yang lain daripada yang lain bagi menarik minat pelanggan. Idea serta kreativiti yang berbeza daripada usahawan lain mampu menjana pendapatan berlipat kali ganda seiring dengan khidmat dan produk yang menepati cita rasa pelanggan." - **Hajah Zaleha binti Haji Zakaria, Madang.**

Sebagai penulis ruangan Apa Pendapat Biskita, saya juga berpendapat di mana ramai anak muda mungkin tidak perasan bahawa daripada hobi juga boleh menjana pendapatan, bukan sekadar pendapatan sampingan tetapi juga pendapatan tetap. Seperti yang diperkatakan di atas, minat adalah penting dalam menjana perniagaan. Ini kerana sesuatu perniagaan itu perlu datang daripada minat, diikuti dengan idea-idea yang di luar daripada kotak pemikiran kita dan menepati keinginan pelanggan kita. Beberapa contoh hobi yang boleh menjana pendapatan untuk mereka yang baru menceburan bidang perniagaan. Antaranya, memasak dan membuat kek, menjahit, membaca dan menulis Blog, melancong dan lain-lain. Bagaimana dikatakan boleh menjana pendapatan daripada hobi-hobi ini? Iaitu dengan mengembangkan bakat yang mereka miliki. Salah satu hobi yang kini kian popular bahkan merupakan satu cara yang begitu lumayan untuk menjana pendapatan ialah menjahit kerana ia juga bukan sekadar satu pekerjaan tetapi ia juga merupakan hobi. Seperti contoh pereka-pereka fesyen di Malaysia kebanyakannya bermula daripada minat terhadap jahitan dan rekaan pakaian. Mereka mulakan karier dengan menjahit pakaian dan dari situ lah mereka mulakan karier sebagai pereka fesyen sehingga boleh terkenal seluruh dunia. Asas jahitan amatlah penting bagi seseorang pereka fesyen kerana ia menentukan kekemasan sepasang pakaian itu. Bagi usahawan muda yang mempunyai hobi menjahit, ini adalah perniagaan yang baik untuk mereka. Bermula dengan mengambil tempahan menjahit pakaian yang mudah, menjahit manik dan dari situ mereka boleh untuk memulakan perniagaan dalam bidang pakaian dan jahitan.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapatan biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.  
Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn  
i. Hargai Kraf Tangan Tempatan  
ii. Penjagaan Rapi Hindari Pelbagai Penyakit



**bajaruk** kiasan yang bermaksud

1 berkurung dalam rumah sahaja tentang seseorang.

Contoh pemakaian kata : sabatha-batha Si Amat mulih dari asrama ani, **bajaruk** saja ia dalam bilik.

2 tersimpan lama tentang barang.

Contoh pemakaian kata : samingu sudah buku atau **bajaruk** arahnya, dalam ia mambalikkan.

**tajulayak** bermaksud tertelantang atau tergelincir dan rebah ke belakang.

Contoh pemakaian kata : **tajulayak** Si Minah antadi di kamar mandi, mana inda luan likin bah lantai atu.

**bakalakar** bermaksud berdusta, berbohong, atau berkata tentang sesuatu yang tidak benar.

Contoh pemakaian kata : jangan luan **bakalakar** ani Timah, carita inda ada kau ada-adakan.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**



## KAMPUNG LABU ESTET



Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

### SAYUR PIYAI MASAK LEMAK IKAN MASIN

#### BAHAN-BAHANNYA :

Sayur piyai  
2 ulas bawang putih  
3 biji bawang merah  
1 cawan santan pekat  
Ikan masin (ikut cita rasa)  
Lada hidup (dihiris)

Garam dan gula (secukupnya)  
Minyak

#### CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak terlebih dahulu, kemudian tumis bawang

merah dan putih hingga kekuningan dan masukkan ikan masin. Setelah itu, masukkan sayur piyai dan masak hingga layu, barulah masukkan santan, garam, gula dan lada hidup. Gaul hingga sebatи dan setelah masak bolehlah dihidangkan.

# Semai semangat patriotik pelajar

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan kali ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Arab Rimba.

Program dihadiri seramai 200 penuntut Tahun 7 dan tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara; di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Antara pengisian program, Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad

Hisyam bin Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Diikuti dengan menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut juga berpeluang

menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

**PEGAWAI** Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan.



PENUNTUT Tahun 7 Sekolah Arab Rimba yang menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera Dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).



## Manfaatkan ledakan Revolusi Industri 4.0

**S**EJAK beberapa tahun kbelumkangan ini ungkapan 'Ledakan Revolusi Industri 4.0' semakin kerap kita dengar di media massa. Era ledakan revolusi industri 4.0 ini bermula apabila sebahagian besar aktiviti-aktiviti perekonomian dunia diambil oleh teknologi komputer, internet dan aplikasi. Melalui wujud sistem automatik, penganalisisan data, ramalan atau simulasi yang disediakan di dalam aplikasi.

Ledakan ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peniaga dan pengguna. Memandangkan sebahagian besar operasi kehidupan manusia kini di hujung jari sahaja, penggunaan teknologi komputer,

internet dan aplikasi amat memudahkan dan menguntungkan umat manusia. Dalam erti kata lain, penggunaan wang dan masa melalui cara sedemikian amat efisien dan menjimatkan.

Manfaat utama ledakan ini kepada peniaga adalah mendapatkan pelanggan dari seluruh dunia tanpa perlu merentas sempadan dan penggunaan wang atau masa yang minima seperti keperluan membuka kedai atau membangun infrastruktur di luar negara. Bagi mendedahkan produk ke seluruh dunia, mereka hanya perlu menyenaraikan atau mengiklankan produk-produk jualan mereka melalui sistem aplikasi komputer. Contoh

aplikasi yang giat digunakan peniaga pada masa kini ialah Ebay, AliExpress, Amazon dan sebagainya. Selain daripada itu mereka juga akan dapat bersaing secara sihat bersama peniaga-peniaga yang lainnya dalam memberikan harga atau kualiti produk mereka.

Bagi para pelanggan pula segalanya tersedia di hujung jari mereka. Mereka tidak lagi perlu merentas sempadan untuk membeli barang atau keperluan mereka di luar negara. Pelanggan juga berpeluang untuk membuat perbandingan dari segi kualiti dan harga yang berpatutan bagi diri mereka. Perkara seperti ini sememangnya akan dapat membantu

mereka untuk menjimatkan wang dan masa.

Kesimpulannya, ledakan revolusi industri 4.0 telah membawa perubahan kepada aktiviti-aktiviti perekonomian sejagat. Melalui dunia perekonomian menjadi luas dan tanpa sempadan tambahan lagi segala operasi kehidupan manusia kini di hujung jari sahaja. Para peniaga dan pengguna haruslah mengambil peluang ini atau memanfaatkan ledakan revolusi industri ini semaksimumnya untuk penggunaan wang dan masa mereka yang lebih menjimatkan.

**Nama : Hazman bin Hamidun  
No. K/P : 00-322240 (K)**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme' Tarikh Tutup : 5 Februari 2020
- 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting' Tarikh Tutup : 12 Februari 2020
- 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja' Tarikh Tutup : 19 Februari 2020

### Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi  
BND75**

SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita

## Unggakan / Indangan masih relevan pada zaman moden



**S**ALAH satu cara terbaik untuk menidurkan anak damit adalah dengan menggayun (*mengunggak*) buaian secara perlahan-lahan sehingga anak damit tidur lena, ini kerana gerakan mengayun lembut akan membuat anak damit mengantuk dan cepat tertidur.

Bagi masyarakat kitani orang Brunei, buaian anak damit lebih popular disebut 'Kuyutan', 'Unggakan' atau 'Indangan'.

Kuyutan biasa mengandungi perkakas seperti tali, spring, kain dan sekeping papan kecil, di mana tali buaiannya biasa diikat di sangkar rumah, manakala Unggakan atau Indangan berbentuk bakul yang diperbuat daripada rotan atau benir kayu.

Alat ini lebih selesa berbanding dengan kuyutan kerana anak damit terdedah dengan hembusan angin ketika tidur.

Bagaimanapun, Indangan sukar dibawa ke mana-mana kerana saiznya yang besar berbanding dengan kuyutan yang boleh dilipat apabila hendak berpergian.

Namun pada zaman yang semakin canggih ini, Unggakan atau Indangan masih tetap relevan penggunaannya, malah terdapat indangan yang boleh digerakkan oleh kuasa elektrik, yang mana manual operasinya hanya perlu memetik suisnya dan Indangan akan bergerak turun naik dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Berbeza pula bagi sesetengah pengguna (para kaum ibu dan nenek), mereka lebih selesa menggunakan

Rencana dan Foto :  
Ak. Jefferi Pg. Durahman

Unggakan atau Indangan dengan cara menggayun atau membua sendiri anak damit / cucu mereka, malah ada yang turut disertakan dengan lagu-lagu dodoi berupa pantun, syair, mukun dan malah dengan lagu-lagu zikir dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Bagi Dayang Hajah Aisah binti Haji Md. Taha, 60, beliau lebih selesa mendodoi cucu beliau dengan cara mengunggak dengan disertakan lagu-lagu zikir, ini kerana dapat memberikan pendedahan secara Islamik kepada anak-anak damit, di samping memohon perlindungan kepada Allah agar dijauhi mereka dari sebarang gangguan tidur (iblis, syaitan dan makhluk halus).

Sementara bagi seorang pembantu rumah, Baiq Sumarni menjelaskan, penggunaan Unggakan atau Indangan lebih mudah kerana sejurus anak damit tidur beliau dapat menyambung membereskan kerja-kerja rumahnya sementara anak majikannya dapat tidur dengan aman dan selesa.

Namun kita sebagai ibu bapa dan penjaga anak-anak damit, keselamatan anak-anak damit harus menjadi tanggungjawab kita, jangan leka dan lalai ketika membua atau menjaga anak-anak damit dalam Unggakan atau Indangan bagi mengelakkan mereka terjatuh atau mendapat kecederaan yang tidak diingini.



# Penerapan nilai-nilai murni melalui Perkampungan Sivik

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan



**P**ARA lepasan ijazah institusi tempatan dan luar negara bakal berpeluang memperoleh maklumat terkini melalui Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Ke-1 Bagi Tahun 2020 bermula pada 8 hingga 13 Februari 2020.

PSLI merupakan satu aktiviti Jabatan Penerangan di bawah Strategi Kerja Bersemuka, yang mana ia sudah diperkenalkan sejak tahun 1976. Dari tahun ke tahun program ini diadakan, pihak jabatan berusaha memberikan nilai tambah supaya ia kekal relevan untuk diteruskan pada masa-masa akan datang.

Program ini disasarkan kepada lepasan ijazah Negara Brunei Darussalam iaitu mahasiswa-mahasiswi yang tamat pengajian di Peringkat Ijazah Sarjana Muda dari mana-mana institusi pengajian tinggi di negara ataupun dari luar negara. Keutamaan diberikan kepada lepasan ijazah yang belum mempunyai pekerjaan.

Pada PSLI Kali Ke-1 ini, Daerah Temburong dipilih menjadi lokasi

perkampungan sivik, di mana para peserta akan berada di sana selama enam hari lima malam dan mengikuti atur cara yang dirancang.

Kemudahan tempat tinggal, pengangkutan dan makan minum peserta akan disediakan sepanjang program perkampungan ini.

## Aktiviti

Corak Perkampungan Sivik ini adalah berteraskan keagamaan, kebudayaan, kepimpinan dan ketatanegaraan.

Para peserta PSLI kali ini berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti penuh bermanfaat termasuk sembahyang fardu berjemaah, sesi taklimat daripada agensi-agensi kerajaan, aktiviti kerja berpasukan, aktiviti sukan, beberapa siri lawatan, aktiviti keagamaan seperti Kuliah Subuh dan Tazkirah Maghrib dan kerja amal kesukarelawanan. Aktiviti sukan dan riadah juga akan diadakan dalam Perkampungan Sivik ini.

Semua aktiviti yang diungkayahkan itu

setentunya memberi banyak manfaat kepada mereka terutama kepada mereka yang belum mempunyai sebarang pekerjaan dan mempunyai minat untuk membina usaha serta berdikari sendiri. Dengan adanya program-program yang diaturkan ini, para peserta dapat mengambil peluang untuk bertanya soalan atau berkongsi pengalaman melalui sesi taklimat, lawatan dan forum serta mendapat maklumat-maklumat baharu atau tambahan yang tepat dan sahih yang mungkin tidak pernah mereka ketahui atau dengar sebelum ini.

## Objektif

Objektif PSLI ialah meningkatkan pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dalam proses mencari pekerjaan serta memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan.

Di samping itu, ia juga bagi memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Melalui PSLI juga, para peserta ada ruang untuk berbincang dan memahami

keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Selain itu, ia juga bagi membantu para peserta Perkampungan Sivik untuk meneroka peluang-peluang keusahawanan dan membolehkan para peserta meminta pengalaman sebagai nilai tambah dalam menempuh proses pencarian peluang pekerjaan yang kompetitif dan mencabar.

Sejajar dengan perkembangan semasa seperti peluang pekerjaan yang lebih kompetitif dan mencabar, para peserta perlu didekah dengan pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang berguna sebagai persediaan mencari pekerjaan atau sebelum masuk ke alam pekerjaan.

Apa yang diharapkan dalam Perkampungan Sivik ini para peserta akan lebih berdikari di samping memantapkan rohani, fizikal dan menjadi nilai tambah sebagai persediaan bagi menghadapi alam pekerjaan.

Bagi lepasan ijazah yang ingin menyertai PSLI Kali Ke-1 ini, bolehlah menghubungi Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri atau menerusi telefon +673 2383400 / sambungan 310.



# Tujuh pemandu 'lumba haram' diambil tindakan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 4 Februari. - Susulan serbuan terhadap satu kegiatan lumba haram bertempat di kawasan lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong pada Ahad, 26 Januari 2020, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengambil tindakan terhadap tujuh pemandu kendaraan bermotor yang terlibat dalam kegiatan perlumbaan haram berkenaan.

JPD telah mengarahkan pemilik-pemilik kendaraan terbabit untuk membawa kendaraan mereka ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan, Ibu Pejabat JPD Gadong untuk pemeriksaan lanjut.

Hasil pemeriksaan JPD mendapati enam buah kendaraan yang terbabit dalam lumba haram tersebut telah diubahsuai tanpa kebenaran.

Sehubungan itu, JPD mengarahkan para pemilik kendaraan-kendaraan berkenaan untuk mengubah semula bentuk kendaraan mengikut spesifikasi asal.

Susulan kesalahan tersebut juga, dua dari kendaraan yang terbabit telah ditarik semula Lesen

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat**

Kenderaannya.

Di samping itu, 14 kompaun telah dikeluarkan kepada enam pemandu kerana membuat kesalahan mengubahsuai kenderaan tanpa kebenaran.

JPD memaklumkan bahawa mana-mana pemandu kendaraan bermotor yang tidak mematuhi Peraturan 3 Peraturan Lalulintas Jalan Raya Penggal 68 iaitu kendaraan yang tidak mematuhi Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya / Kenderaan yang diubahsuai, boleh dikenakan kompaun berikut: Kesalahan Pertama : BND50; Kesalahan Kedua : BND150; Kesalahan Ketiga: BND300; Kesalahan Keempat : BND500 dan Kesalahan, seterusnya : Pemandu boleh dihadapkan ke Mahkamah.

Di bawah Bab 37A (7) Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68, iaitu mana-mana orang yang menganjurkan atau yang mengambil bahagian dalam apa-apa pertandingan atau ujian kelajuan tanpa kelulusan bertulis Pesuruhjaya Polis dan mana-mana pemandu atau orang yang bertanggungjawab terhadap apa-apa pertandingan atau ujian kelajuan adalah bersalah kerana melakukannya satu kesalahan: Hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 tetapi tidak lebih daripada BND2,000 dan penjara enam bulan dan sekiranya sabit kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND2,000 tetapi tidak lebih daripada BND3,000 dan penjara 12 bulan.

JPD juga memohon kerjasama orang ramai untuk mengongsikan sebarang perkara yang boleh menjejaskan keselamatan jalan raya dengan menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123 ataupun melayari laman sesawang Talian Darussalam [www.123.gov.bn](http://www.123.gov.bn) dengan menyertakan gambar mengenai kendaraan terbabit.



ANTARA kendaraan yang diarahkan untuk menjalani pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan, Jabatan Pengangkutan Darat, Gadong.

# ALAI PINTAR

SOALAN 5 FEBRUARI 2020, RABU

1. Nyatakan jenis ayat di bawah ini :  
Tolong simpan pisau itu di dalam laci.  
a) Ayat perintah  
b) Ayat tanya  
c) Ayat penyata

2. Apakah makna peribahasa 'Berat Hati'?  
a) Tidak sampai hati / enggan melakukan sesuatu  
b) Tidak mengendahkan atau tidak mempedulikan sesuatu  
c) Perkara yang menjadi sebut-sebutan orang.

3. Pilih dan gariskan kata sendi nama yang sesuai.  
Jangan bersikap biadap **terhadap / kepada** ibu bapa.

**TARIKH TUTUP : 17 Februari 2020**

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.  
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

### PEMENANG ALAI PINTAR 018 :

Nama : Muhammad Mishary Ar-Rayyan bin Mohammad Sufri  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0117668-01. Sekolah : Learning Tree School

# Padah mencuri tabung masjid!



**TERTUDUH** Abdul Aziz bin Haji Awang Brahim, 19 tahun dan Mohd. Hafiz bin Hamran, 18 tahun kedua-dua tidak mempunyai sebarang pekerjaan.

**Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TUTONG**, Isnin, 3 Februari. - Balai Polis Lamunin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya membuat penangkapan ke atas dua orang suspek lelaki warga tempatan berhubung kes curi tabung masjid yang dilaporkan berlaku di Masjid Kampung Birau, Lamunin pada 1 Februari 2020 lalu.

Tertuduh Abdul Aziz bin Haji Awang Brahim, 19 tahun dan Mohd. Hafiz bin Hamran, 18 tahun kedua-dua tidak mempunyai sebarang pekerjaan dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada 3 Februari 2020 bagi sebutan kes atas kesalahan dibawah Seksyen 380 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu kesalahan mencuri dalam bangunan.

Kedua tertuduh mengaku bersalah di hadapan Hakim Majistret dan pihak mahkamah mengarahkan kedua tertuduh dilepaskan jamin Mahkamah sebanyak BND3,000 atau seorang penjamin tempatan, walaupun bagaimanapun memandangkan tidak ada penjamin, kedua tertuduh kemudian di reman di Penjara Maraburong sehingga 25 Februari 2020 bagi penetapan hukuman.

PPDB menggesa kepada masyarakat awam agar sentiasa memantau dan menasihati ahli keluarga, terutama sekali melibatkan kalangan remaja agar jangan terjerumus dengan kegiatan-kegiatan jenayah yang boleh sahaja merosakkan dan menghancurkan masa hadapan mereka.

Institusi kekeluargaan amat penting dan berperanan dalam membentuk sahsiah para remaja supaya tidak mudah terpengaruh dengan faktor persekitaran dan pergaulan sosial.

Ambillah peranan serta bimbanglah mereka kerana mereka (remaja) merupakan penaung dan bakal-bakal pemimpin pada masa hadapan.



## SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah maupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
  - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
  - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 8300836** atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....

Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....

Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 018

- b) Lambat pergerakan
- b) menolong kawan yang susah, bersopan santun, sayang kepada ibu bapa
- a) Najis berat iaitu anjing dan babi serta keturunannya

# Sukan

## INFO SUKAN

PASUKAN Kementerian Pendidikan berjaya merangkul juara Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-26, Tahun 2019 setelah menewaskan Kementerian Kesihatan 31 - 29 melalui empat set perlawanan pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 2 Februari 2020.



## 120 peserta bakal berentap pada Kejohanan Badminton



PEMANGKU Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Badminton Liga Berpasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2020 anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Februari. - Seramai 120 peserta daripada lapan pasukan mengikuti Kejohanan Badminton Liga Berpasukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2020 anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan

Brunei Darussalam di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, di sini.

Setiausaha Agung Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam, Awang Mohd. Zuno Kartono bin Haji Ali berkata setiap pasukan akan membariskan

pemain-pemain yang akan bertanding pada Kategori Beregu Lelaki Di Bawah 21 Tahun; Kategori Veteran 50 Tahun Berpasangan dengan 55 Tahun; Kategori Beregu Lelaki Terbuka Pertama; Kategori Beregu Perempuan dan Kategori Beregu Lelaki Terbuka Kedua.

Awang Mohd. Zuno Kartono juga menjelaskan, kejohanan yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tersebut akan berlangsung selama tujuh hari, iaitu dua hari pada bulan

Februari, dua hari pada bulan Mac dan tiga hari pada bulan April, jelas Awang Mohd. Zuno Kartono.

"Tujuannya adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara semua pemain-pemain badminton, selain untuk mencari pemain untuk diketengahkan bagi mengikuti program selanjutnya dan seterusnya mengikuti pertandingan antarabangsa seperti SUKMA dan Arafura," katanya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah JBS, Dayang Mariam binti Ulat.



ANTARA suasana Kejohanan Badminton Liga Berpasukan Kebangsaan tersebut (kiri dan kanan).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**'SAYA ADALAH DAN SAYA AKAN'**

دتربيتكن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان دچيتق اوله جباتن فرچيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam